

Kami akan mencapai matlamat ini dengan:

- Membangunkan pasaran gadaai janji sekunder melalui penyediaan kemudahan-kemudahan berinovasi serta perkhidmatan yang cekap pada kos bersaing kepada pemberi pinjaman perumahan utama.
- Memajukan pasaran modal, terutamanya pasaran sekuriti hutang swasta, dengan meluaskan dan mendalamkan skop pensekuritian.
- Memupuk serta mengekalkan tenaga kerja yang cekap dengan integriti dan profesionalisme yang tinggi.
- Menggunakan teknologi untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan.
- Menghargai kakitangan kami di atas komitmen dan kesetiaan mereka.
- Menanam budaya korporat yang penyayang dan bertanggungjawab.

Kami percaya bahawa kami akan:

- Diiktiraf sebagai peneraju dalam memberi sokongan kewangan sejajar dengan usaha Kerajaan untuk memenuhi keperluan perumahan rakyat Malaysia.
- Menjadi pemangkin bagi pembangunan pasaran sekuriti hutang swasta negara.
- Diiktiraf dari dalam dan luar negara sebagai perintis dan model bagi pensekuritian bersandarkan gadaai janji.

Contents

4	Notice of Annual General Meeting	54	Statement on Corporate Governance
6	Statement Accompanying Notice of Annual General Meeting	56	Report of the Board Audit Committee
7	Board of Directors	59	Statement on Internal Control
10	Profile of the Board of Directors	60	Risk Management
16	Board Committees	63	Occupational Safety and Health Policy
17	Shareholders	66	Statistical Information
22	Organisation Chart	141	Financial Statements Form of Proxy
24	Financial Highlights		
26	Management Team		
27	Corporate Information		
48	Chairman's Statement		



menjulangi tinggi

soaring higher

Sempena menyambut ulang tahun ke-20, kami menoleh ke belakang dengan rasa bangga terhadap pelbagai pencapaian yang telah dicapai setakat ini. Pencapaian yang mungkin tidak dapat direalisasikan tanpa sokongan dan komitmen padu daripada aset paling berharga kami iaitu modal insan. Modal insan tersebut yang terdiri daripada pakar-pakar berpengalaman dan mempunyai pendedahan penuh dalam sektor perkhidmatan kewangan telah membantu kami disegani dalam pasaran gadaai janji sekunder, sama ada dalam dan luar negara. Sebagai ganjaran, kami telah membantu mengasah kemahiran mereka melalui latihan berterusan dan program pembangunan kerjaya. Di masa hadapan, kami percaya dengan modal insan yang kukuh, Cagamas dan kakitangannya bersedia untuk menjulang ke tahap yang lebih tinggi kerana kejayaan terunggul kami masih belum dicapai.

As we celebrate our 20th anniversary, we look back to the past with a sense of pride on the many achievements made over the years. Achievements that would not have been possible without the total support and commitment of our most valuable asset- our human capital. They comprise specialists across the financial services sector whose breath and depth of experience and exposure have helped us to be a respected name in the secondary mortgage market, both locally and overseas. In turn, we have helped to hone their skills set through ongoing training and career development programmes. Looking ahead, we believe that with our building blocks well in place, Cagamas and its people are poised to soar to even greater heights. Simply put, our best is yet to come.

notis mesyuarat agung tahunan

DENGAN INI DIMAKLUMKAN bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Kedua Puluh Cagamas Berhad akan diadakan di Bilik Persidangan, Tingkat 16, Blok A, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur pada hari Isnin, 7 Mei 2007, pada jam 12.30 tengahari untuk melaksanakan urusan berikut:

SEBAGAI URUSAN BIASA

1. Menerima dan meluluskan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006 berserta Laporan Pengarah dan Juruaudit dan Penyata dan Akuan Berkanun yang terkandung.

[Resolusi No. 1]

2. Mengisytiharkan dividen akhir sebanyak 10 sen sesyer (ditolak cukai pendapatan) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006.

[Resolusi No. 2]

3. Meluluskan pembayaran tidak melebihi RM215,000 sebagai ganjaran Pengarah untuk dibahagikan kepada para Pengarah mengikut cara yang mereka boleh tentukan.

[Resolusi No. 3]

4. Melantik semula para Pengarah berikut yang akan bersara menurut Artikel 19.13 dan 19.14 Tataurusan Syarikat dan, oleh sebab layak, menawarkan diri mereka untuk dilantik semula:

- (a) Dato' Sri Tay Ah Lek;
- (b) Datuk Amirsham A. Aziz; dan
- (c) Puan Yvonne Chia

[Resolusi No. 4]

5. Melantik semula para Pengarah berikut yang akan meletak jawatan menurut Artikel 19.10 Tataurusan Syarikat dan, oleh sebab layak, menawarkan diri mereka untuk dilantik semula:

- (a) Encik Cheah Tek Kuang;
- (b) Encik George Ratilal; dan
- (c) Dato' Sri Abdul Hamidy Abdul Hafiz

[Resolusi No. 5]

6. Melantik Tetuan PricewaterhouseCoopers sebagai Juruaudit Syarikat dan memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah untuk menetapkan bayaran mereka.

[Resolusi No. 6]

7. Melaksanakan sebarang urusan lain yang berkaitan dengan Mesyuarat Agung Tahunan di mana notis yang sewajarnya telah diberikan.

PENUTUPAN DAFTAR

ADALAH JUGA DIMAKLUMKAN bahawa Daftar Pindah Milik dan Daftar Ahli Syarikat akan ditutup mulai 27 April 2007 sehingga 6 Mei 2007, termasuk kedua-dua tarikh tersebut, untuk menentukan kelayakan para pemegang syer ke atas dividen akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006. Borang pindah milik yang lengkap yang diterima oleh Setiausaha Syarikat pada atau sebelum jam 5.00 petang, 26 April 2007 akan didaftarkan sebelum kelayakan-kelayakan ke atas dividen yang dicadangkan itu ditentukan. Dividen yang dicadangkan, jika diluluskan di Mesyuarat Agung Tahunan tersebut, akan dibayar pada 21 Mei 2007.

Dengan Perintah Lembaga Pengarah



Sarah Abdul Aziz (LS 0008763)
Setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur
20 April 2007

Nota

1. Seorang ahli yang berhak menghadiri dan mengundi di Mesyuarat yang dinyatakan di atas boleh melantik seorang proksi untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya. Seorang proksi tidak semestinya seorang ahli Syarikat.
2. Sekiranya ahli Syarikat adalah sebuah badan korporat, borang proksi mestilah dimeterai ataupun ditandatangani oleh wakil mutlaknya yang telah diberikuasa.
3. Kesemua borang proksi mestilah diserahkan kepada Pejabat Berdaftar Syarikat di Tingkat 19, Bahagian Barat, Menara Maybank, 100 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur tidak lewat dari 48 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk Mesyuarat berkenaan atau untuk Mesyuarat yang ditangguhkan mengikut mana yang berkenaan.

notice of annual general meeting

NOTICE IS HEREBY GIVEN that the Twentieth Annual General Meeting of Cagamas Berhad will be held at the Conference Room, 16th Floor, Block A, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur on Monday, 7 May 2007, at 12.30 p.m. for the transaction of the following business:

AS ORDINARY BUSINESS

1. To receive and adopt the Audited Financial Statements for the financial year ended 31 December 2006, together with the Reports of the Directors and Auditors and the Statement and Statutory Declaration therein.

[Resolution No. 1]

2. To declare a final dividend of 10 sen per share (less income tax) for the financial year ended 31 December 2006.

[Resolution No. 2]

3. To approve the payment of a maximum of RM215,000 as Directors' remuneration to be divided amongst the Directors in such manner as the Directors may determine.

[Resolution No. 3]

4. To re-elect the following Directors who are retiring pursuant to Articles 19.13 and 19.14 of the Articles of Association of the Company and being eligible, offer themselves for re-election:

- (a) Dato' Sri Tay Ah Lek;
- (b) Datuk Amirsham A. Aziz; and
- (c) Mrs. Yvonne Chia

[Resolution No. 4]

5. To re-elect the following Directors who vacate office pursuant to Article 19.10 of the Articles of Association of the Company and being eligible, offer themselves for re-election:

- (a) Mr. Cheah Tek Kuang;
- (b) Mr. George Ratilal; and
- (c) Dato' Sri Abdul Hamid Abdul Hafiz

[Resolution No. 5]

6. To appoint Messrs. PricewaterhouseCoopers as Auditors of the Company and to authorise the Board of Directors to fix their remuneration.

[Resolution No. 6]

7. To transact any other business of the Annual General Meeting of which due notice shall have been given.

CLOSURE OF REGISTERS

NOTICE IS ALSO HEREBY GIVEN that the Register of Transfers and the Register of Members will be closed from 27 April 2007 to 6 May 2007, both dates inclusive, for the purpose of determining shareholders' entitlement to the final dividend for the financial year ended 31 December 2006. Duly completed transfers received by the Company Secretary on or before 5.00 p.m. on 26 April 2007 will be registered before entitlement to the proposed dividend is determined. The proposed dividend, if approved at the Annual General Meeting, will be paid on 21 May 2007.

By Order of the Board



Sarah Abdul Aziz (LS 0008763)
Company Secretary

Kuala Lumpur
20 April 2007

Notes

1. A member entitled to attend and vote at the Meeting may appoint a proxy to attend and vote on his behalf. A proxy need not be a member of the Company.
2. In the case where a member is a corporation, this Form of Proxy must be executed under its common seal or under the hand of its attorney.
3. All Forms of Proxy must be duly executed and deposited at the Registered Office of the Company at 19th Floor, West Wing, Menara Maybank, 100 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur not less than 48 hours before the time appointed for holding the Meeting or adjourned meeting as the case may be.

penyata kepada notis mesyuarat agung tahunan

1. Butir-butir para Pengarah yang menawarkan diri untuk dilantik semula seperti dalam Agenda 4 dan 5 Notis Mesyuarat Agung Tahunan dibentangkan di muka surat 10 ke 15 dalam Laporan Tahunan ini.
2. Butir-butir kehadiran di mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006 adalah seperti berikut:

Nama Pengarah	Tarikh Pelantikan	Jumlah Mesyuarat Yang Dihadiri
Dato' Ooi Sang Kuang	4 Julai 2002	7/7
Dato' Sri Tay Ah Lek	28 Februari 1987	4/7
Datuk Amirsham A. Aziz	12 Julai 1994	4/7
Dato' Mohd Razif Abdul Kadir	27 Februari 2001	6/7
Dato' Albert Yeoh Beow Tit	16 September 2003	6/7
Puan Yvonne Chia	21 Mei 2004	3/7
YM Tunku Afwida Tunku A. Malek	4 Januari 2005	5/7
Encik Tang Wing Chew	3 Januari 2006	7/7
Encik Cheah Tek Kuang	29 April 2006	3/3
Encik George Ratilal	29 April 2006	1/3
Dato' Sri Abdul Hamidy Abdul Hafiz	18 Januari 2007	-

3. Butir-butir tarikh, masa dan tempat mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006 adalah seperti berikut:

Tarikh	Masa	Tempat
27 Februari 2006	3.00 petang	Bilik Bunga Tanjung Tingkat 18, Blok A Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur
21 Mac 2006	2.15 petang	Bilik Bunga Raya Tingkat 18, Blok A Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur
21 April 2006	4.30 petang	Bilik Bunga Teratai Tingkat 18, Blok A Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur
28 April 2006	3.00 petang	Bilik Bunga Raya Tingkat 18, Blok A Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur
21 Julai 2006	3.00 petang	Bilik Bunga Raya Tingkat 18, Blok A Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur
29 September 2006	3.00 petang	Bilik Bunga Raya Tingkat 18, Blok A Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur
15 Disember 2006	3.00 petang	Bilik Bunga Tanjung Tingkat 18, Blok A Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur

statement accompanying notice of annual general meeting

1. Details of Directors seeking re-election as in Agenda Items 4 and 5 of the Notice of Annual General Meeting are set out in the Profile of the Board of Directors on pages 10 to 15 of this Annual Report.
2. Details of attendance by Directors at Board of Directors' meetings held during the financial year ended 31 December 2006 are as follows:

Name of Director	Date of Appointment	No. of Meetings Attended
Dato' Ooi Sang Kuang	4 July 2002	7/7
Dato' Sri Tay Ah Lek	28 February 1987	4/7
Datuk Amirsham A. Aziz	12 July 1994	4/7
Dato' Mohd Razif Abdul Kadir	27 February 2001	6/7
Dato' Albert Yeoh Beow Tit	16 September 2003	6/7
Mrs. Yvonne Chia	21 May 2004	3/7
YM Tunku Afwida Tunku A. Malek	4 January 2005	5/7
Mr. Tang Wing Chew	3 January 2006	7/7
Mr. Cheah Tek Kuang	29 April 2006	3/3
Mr. George Ratilal	29 April 2006	1/3
Dato' Sri Abdul Hamidy Abdul Hafiz	18 January 2007	-

3. Details of date, time and place of Board meetings held in the financial year ended 31 December 2006 are as follows:

Date	Time	Venue
27 February 2006	3.00 p.m.	Bilik Bunga Tanjung 18th Floor, Block A Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur
21 March 2006	2.15 p.m.	Bilik Bunga Raya 18th Floor, Block A Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur
21 April 2006	4.30 p.m.	Bilik Bunga Teratai 18th Floor, Block A Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur
28 April 2006	3.00 p.m.	Bilik Bunga Raya 18th Floor, Block A Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur
21 July 2006	3.00 p.m.	Bilik Bunga Raya 18th Floor, Block A Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur
29 September 2006	3.00 p.m.	Bilik Bunga Raya 18th Floor, Block A Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur
15 December 2006	3.00 p.m.	Bilik Bunga Tanjung 18th Floor, Block A Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur

Pengerusi Lembaga Pengarah/ Chairman of the Board

Dato' Ooi Sang Kuang

Pengarah/ Directors

Dato' Sri Tay Ah Lek

Datuk Amirsham A. Aziz

Dato' Mohd Razif Abdul Kadir

Dato' Albert Yeoh Beow Tit

Mrs. Yvonne Chia

YM Tunku Afwida Tunku A. Malek

Mr. Tang Wing Chew
(dilantik/appointed : 3 January 2006)

Mr. Cheah Tek Kuang
(dilantik/appointed : 29 April 2006)

Mr. George Ratilal
(dilantik/appointed : 29 April 2006)

Dato' Sri Abdul Hamidy Abdul
Hafiz
(dilantik/appointed : 18 January 2007)

Tan Sri Dato' Azman Hashim
(meletak jawatan/resigned :
29 April 2006)

Tan Sri Dato' Tan Teong Hean
(meletak jawatan/resigned :
29 April 2006)

Mr. Mohamed Azmi Mahmood
(meletak jawatan/resigned :
29 April 2006)

Datuk Zarir J. Cama
(meletak jawatan/resigned :
29 April 2006)

Mr. Abdul Karim Md Lassim
(meletak jawatan/resigned :
29 April 2006)

Mr. Shayne Keith Nelson
(meletak jawatan/resigned :
2 November 2006)

lembaga pengarah board of

Dari kiri ke kanan/
From left to right:

DATO' ALBERT YEOH BEOW TIT
Pengarah Bukan Eksekutif
Non-Executive Director

DATUK AMIRSHAM A. AZIZ
Pengarah Bukan Eksekutif
Non-Executive Director

DATO' MOHD RAZIF ABDUL KADIR
Pengarah Bukan Eksekutif
Non-Executive Director

DATO' SRI TAY AH LEK
Pengarah Bukan Eksekutif
Non-Executive Director

DATO' OOI SANG KUANG
Pengerusi
Chairman



directors

MRS. YVONNE CHIA
Pengarah Bukan Eksekutif
Non-Executive Director

**YM TUNKU AFWIDA
TUNKU A. MALEK**
Pengarah Bukan Eksekutif
Non-Executive Director

MR. TANG WING CHEW
Pengarah Bukan Eksekutif
Non-Executive Director

MR. CHEAH TEK KUANG
Pengarah Bukan Eksekutif
Non-Executive Director

MR. GEORGE RATILAL
Pengarah Bukan Eksekutif
Non-Executive Director

**DATO' SRI ABDUL HAMIDY
ABDUL HAFIZ**
Pengarah Bukan Eksekutif
Non-Executive Director



profil lembaga pengarah profile of the board of directors



Dato' Ooi Sang Kuang

Dato' Ooi Sang Kuang, warganegara Malaysia, berusia 59 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 4 Julai 2002 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif. Beliau menyandang jawatan Pengerusi Syarikat ini semenjak bulan Oktober 2002. Beliau juga ialah Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah.

Dato' Ooi ialah Timbalan Governor Bank Negara Malaysia. Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Sastera (Kewangan Pembangunan) dari Boston University, USA. Dato' Ooi menyertai Jabatan Ekonomi Bank Negara Malaysia pada tahun 1971 dan telah memegang pelbagai jawatan kanan dalam Jabatan tersebut sebelum menyertai sektor swasta pada tahun 1984. Beliau telah memegang beberapa jawatan kanan dalam sektor perkhidmatan kewangan ketika berkhidmat dalam sektor swasta. Beliau telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif sebuah syarikat kewangan di Malaysia sebelum menyertai Standard Chartered Bank, Singapura sebagai Ketua Ahli Ekonomi bagi rantau Asia Pasifik. Pada tahun 1994, beliau telah dilantik sebagai Pengarah Urusan Warburg Asset Management Pte. Ltd., Singapura. Sebelum menyertai Bank Negara Malaysia sebagai Timbalan Governor pada tahun 2002, Dato' Ooi telah berkhidmat dengan Kumpulan RHB yang meliputi ekuiti serantau ASEAN sebagai Pengarah Urusan dan Pengarah Penyelidikan Kawasan bagi RHB Research Institute, dan ahli Lembaga Pengarah Rashid Hussain Berhad dan RHB Investment Bank Berhad (dahulu dikenali sebagai RHB Sakura Merchant Bankers Berhad).

Dato' Ooi ialah Pengarah Bank Negara Malaysia dan ahli Lembaga Pengarah Pusat Penyelidikan dan Latihan SEACEN.

Dato' Ooi telah menghadiri kesemua tujuh mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan pada sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain dan/atau pemegang syer utama Cagamas Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

Dato' Ooi Sang Kuang, Malaysian, aged 59, was appointed to the Board of Directors on 4 July 2002 as a Non-Executive Director. In October 2002, he assumed the position as Chairman of the Company. He is also the Chairman of the Company's Board Executive Committee.

Dato' Ooi is the Deputy Governor of Bank Negara Malaysia. He received a Bachelor of Economics (Hons) degree from University of Malaya and Master of Arts (Development Finance) from Boston University, USA. Dato' Ooi joined the Economics Department of Bank Negara Malaysia in 1971 and held various senior positions in the Department before leaving in 1984 to join the private sector. He held a number of senior positions across the financial services sector while in the private sector. He was Chief Executive Officer of a finance company in Malaysia before joining Standard Chartered Bank, Singapore as Chief Economist, Asia-Pacific region. In 1994, he was appointed Managing Director of Warburg Asset Management Pte. Ltd., Singapore. Prior to joining Bank Negara Malaysia as Deputy Governor in 2002, Dato' Ooi was with the RHB Group covering Asean regional equities as Managing Director and Regional Research Director of RHB Research Institute, and was a member of the Board of Directors of Rashid Hussain Berhad and RHB Investment Bank Berhad (formerly known as RHB Sakura Merchant Bankers Berhad).

Dato' Ooi is a Director of Bank Negara Malaysia and a Board member of the SEACEN Research and Training Centre.

Dato' Ooi attended all seven Board meetings held during the financial year. He has no family relationship with any Director and/or major shareholder of Cagamas Berhad. He has not been convicted of any offence within the past 10 years.

Dato' Sri Tay Ah Lek

Dato' Sri Tay Ah Lek, warganegara Malaysia, berusia 65 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 28 Februari 1987 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif. Beliau juga ialah ahli Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Kewangan Lembaga Pengarah.

Dato' Sri Tay ialah Pengarah Urusan bagi Public Bank Berhad. Beliau memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Henley, United Kingdom dan telah mengikuti Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School. Beliau ialah Ahli Utama Financial Services Institute of Australasia, Institut Bank-bank Malaysia dan ahli Majlis Ahli Utama Institut Pengurusan Malaysia. Beliau menyertai Kumpulan Public Bank sebagai kakitangan perintis pada tahun 1966 dan mempunyai lebih dari 40 tahun pengalaman dalam industri perbankan dan kewangan. Beliau ialah Timbalan Presiden Eksekutif Public Finance dan Pengarah Eksekutif Public Bank sebelum memegang jawatan sekarang. Beliau juga ialah Pengarah dalam syarikat awam lain dalam Kumpulan Public Bank termasuk Public Bank Berhad, Public Merchant Bank Berhad, Public Mutual Berhad dan Public Bank (Hong Kong) Ltd. Beliau juga ialah Pengarah bagi beberapa anak syarikat lain Kumpulan Public Bank. Beliau kini ialah Pengerusi Persatuan Syarikat Kewangan Malaysia dan ahli Majlis Persatuan Bank-bank dalam Malaysia. Dato' Sri Tay juga ialah ahli Majlis Penasihat Pembayaran Nasional.

Dato' Sri Tay telah menghadiri empat daripada tujuh mesyuarat Lembaga yang telah diadakan pada sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain dan/atau pemegang syer utama Cagamas Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

Dato' Sri Tay Ah Lek, Malaysian, aged 65, was appointed to the Board of Directors on 28 February 1987 as a Non-Executive Director. He is also a member of the Company's Board Executive Committee and Board Finance Committee.

Dato' Sri Tay is the Managing Director of Public Bank. He holds a Masters in Business Administration from Henley, United Kingdom and attended the Advanced Management Program at Harvard Business School. He is a Fellow of the Financial Services Institute of Australasia, the Institute of Bankers Malaysia and also a Member of the Court of Fellows of the Malaysian Institute of Management. He joined the Public Bank Group as a pioneer staff in 1966 and has more than 40 years of experience in the banking and finance industry. He was the Executive Vice President of Public Finance and the Executive Director of Public Bank prior to his present designation. His directorships in public companies in the Public Bank Group include Public Bank Berhad, Public Merchant Bank Berhad, Public Mutual Berhad and Public Bank (Hong Kong) Ltd. He is also a Director of several other subsidiaries of the Public Bank Group. He is presently the Chairman of the Association of Finance Companies of Malaysia and Council Member of the Association of Banks in Malaysia. Dato' Sri Tay also serves as Council Member of the National Payment Advisory Council.

Dato' Sri Tay attended four out of seven Board meetings held during the financial year. He has no family relationship with any Director and/or major shareholder of Cagamas Berhad. He has not been convicted of any offence within the past 10 years.



Datuk Amirsham A. Aziz

Datuk Amirsham A. Aziz, warganegara Malaysia, berusia 57 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 12 Julai 1994 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif. Beliau juga ialah Pengerusi Jawatankuasa Kewangan Lembaga Pengarah.

Datuk Amirsham ialah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Malayan Banking Berhad. Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1973 dan telah diiktiraf sebagai Akauntan Awam Bertauliah pada tahun 1976. Beliau menyertai Kumpulan Maybank pada tahun 1977 dan telah memegang pelbagai jawatan kanan dalam Kumpulan tersebut. Beliau telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Malayan Banking Berhad pada tahun 1993. Beliau juga ialah Pengarah dalam syarikat awam lain termasuk Aseambankers Malaysia Berhad, Mayban Fortis Holdings Berhad dan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad.

Datuk Amirsham telah menghadiri empat daripada tujuh mesyuarat Lembaga yang telah diadakan pada sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain dan/atau pemegang syer utama Cagamas Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

Datuk Amirsham A. Aziz, Malaysian, aged 57, was appointed to the Board of Directors on 12 July 1994 as a Non-Executive Director. He is also the Chairman of the Company's Board Finance Committee.

Datuk Amirsham is the President and Chief Executive Officer of Malayan Banking Berhad. He graduated with a Bachelor of Economics (Hons) degree from University of Malaya in 1973 and in 1976, qualified as a Certified Public Accountant. He joined the Maybank Group in 1977 and has held various senior positions within the Group. He was appointed as the Executive Director of Malayan Banking Berhad in 1993. His other directorships in public companies include Aseambankers Malaysia Berhad, Mayban Fortis Holdings Berhad and Perbadanan Usahawan Nasional Berhad.

Datuk Amirsham attended four out of seven Board meetings held during the financial year. He has no family relationship with any Director and/or major shareholder of Cagamas Berhad. He has not been convicted of any offence within the past 10 years.





Dato' Mohd Razif Abdul Kadir

Dato' Mohd Razif Abdul Kadir, warganegara Malaysia, berusia 54 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 27 Februari 2001 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif. Beliau juga ialah ahli Jawatankuasa Kewangan Lembaga Pengarah.

Dato' Mohd Razif ialah Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia. Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya dan memperoleh Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (pengkhususan dalam Kewangan) dari Syracuse University, New York, USA. Beliau menyertai Bank Negara Malaysia pada tahun 1976 dan telah memegang pelbagai jawatan kanan di Bank Negara Malaysia termasuk sebagai Ketua Perwakilan di Pejabat Perwakilan Bank Negara Malaysia di London dan Pengarah Jabatan Pengawalan Bank. Beliau ialah Ketua Pengarah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan dari tahun 1999 hingga 2001. Dato' Mohd Razif juga ialah Pengerusi Cagamas MBS Berhad.

Dato' Mohd Razif telah menghadiri enam daripada tujuh mesyuarat Lembaga yang telah diadakan pada sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain dan/atau pemegang syer utama Cagamas Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

Dato' Mohd Razif Abdul Kadir, Malaysian, aged 54, was appointed to the Board of Directors on 27 February 2001 as a Non-Executive Director. He is also a member of the Company's Board Finance Committee.

Dato' Mohd Razif is the Deputy Governor of Bank Negara Malaysia. He graduated with a Bachelor of Economics (Hons) degree from University of Malaya and obtained his Masters in Business Administration (majoring in Finance) from Syracuse University, New York, USA. He joined Bank Negara Malaysia in 1976 and since then, has held various senior positions in Bank Negara Malaysia including the positions of Chief Representative of BNM London Representative Office and Director of Bank Regulations Department. He was the Director-General of Labuan Offshore Financial Services Authority from 1999 to 2001. Dato' Mohd Razif is also the Chairman of Cagamas MBS Berhad.

Dato' Mohd Razif attended six out of seven Board meetings held during the financial year. He has no family relationship with any Director and/or major shareholder of Cagamas Berhad. He has not been convicted of any offence within the past 10 years.



Dato' Albert Yeoh Beow Tit

Dato' Albert Yeoh Beow Tit, warganegara Malaysia, berusia 58 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 16 September 2003 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif. Beliau juga ialah pengerusi Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah, ahli Jawatankuasa Kewangan Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah.

Dato' Albert Yeoh ialah Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah OCBC Bank (Malaysia) Berhad. Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Pengkhususan dalam Ekonomi dan Kajian Operasi) dari Monash University, Australia pada tahun 1972 dan Ijazah Sarjana Sains dalam Pengurusan dari University of Salford, Manchester, England pada tahun 1975. Beliau telah dianugerahkan Keahlian Utama Institut Bank-bank Malaysia oleh Gabenor Bank Negara Malaysia pada bulan April 2002. Beliau menyertai OCBC Bank (Malaysia) Berhad pada bulan Mac 1996 dan telah memegang pelbagai jawatan kanan dalam syarikat tersebut. Sebelum menyertai OCBC Bank (Malaysia) Berhad, beliau berkhidmat sebagai Pengarah, Kumpulan Perbankan Korporat bagi Citibank Berhad. Beliau juga ialah Pengarah dalam syarikat awam lain termasuk Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad dan Overseas Assurance Corporation (Malaysia) Berhad.

Dato' Albert Yeoh telah menghadiri enam daripada tujuh mesyuarat Lembaga yang telah diadakan pada sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain dan/atau pemegang syer utama Cagamas Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

Dato' Albert Yeoh Beow Tit, Malaysian, aged 58, was appointed to the Board of Directors on 16 September 2003 as a Non-Executive Director. He is also the Chairman of the Board Risk Committee and a member of the Company's Board Finance Committee and Board Staff Compensation and Organisation Committee.

Dato' Albert Yeoh is the Chief Executive Officer and a Director of OCBC Bank (Malaysia) Berhad. He graduated with a Bachelor of Economics (Double Major in Economics and Operations Research) from Monash University, Australia in 1972 before obtaining his Master of Science in Management from University of Salford, Manchester, England in 1975. He was conferred Fellow Membership of Institute of Bankers Malaysia by the Governor of Bank Negara Malaysia in April 2002. He joined OCBC Bank (Malaysia) Berhad in March 1996 and has held various senior positions within the company. Prior to joining OCBC Bank (Malaysia) Berhad, he was the Director - Corporate Banking Group for Citibank Berhad. His other directorships in public companies include Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad and Overseas Assurance Corporation (Malaysia) Berhad.

Dato' Albert Yeoh attended six out of seven Board meetings held during the financial year. He has no family relationship with any Director and/or major shareholder of Cagamas Berhad. He has not been convicted of any offence within the past 10 years.

Mrs. Yvonne Chia

Puan Yvonne Chia, warganegara Malaysia, berusia 54 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 21 Mei 2004 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif. Beliau juga ialah ahli Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah.

Puan Chia ialah Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif Hong Leong Bank Berhad. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya pada tahun 1976. Beliau memulakan kerjaya perbankan di Bank of America dengan memegang pelbagai jawatan di Hong Kong, Manila dan Kuala Lumpur. Sebelum menyertai Hong Leong Bank Berhad, beliau ialah Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan RHB Bank Berhad. Beliau dianugerahkan Keahlian Utama Institut Bank-bank Malaysia oleh Gabenor Bank Negara Malaysia pada bulan April 2002 dan ialah seorang Certified Risk Professional (CRP) dengan Bank Administration Institute (BAI). Beliau juga ialah Pengarah dalam syarikat awam lain termasuk Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Malaysian External Trade Development Corporation - MATRADE), Hong Leong Credit Berhad, Hong Leong Islamic Bank Berhad dan Hong Leong Tokio Marine Takaful Berhad.

Puan Chia telah menghadiri tiga daripada tujuh mesyuarat Lembaga yang telah diadakan pada sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain dan/atau pemegang syer utama Cagamas Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

Mrs. Yvonne Chia, Malaysian, aged 54, was appointed to the Board of Directors on 21 May 2004 as a Non-Executive Director. She is also a member of the Company's Board Risk Committee and Board Audit Committee.

Mrs. Chia is the Group Managing Director/Chief Executive Officer of Hong Leong Bank Berhad. She holds a Bachelor of Economics degree from the University of Malaya in 1976. She started her career in banking with Bank of America, holding various positions in Hong Kong, Manila and Kuala Lumpur. Prior to joining Hong Leong Bank Berhad, she was the Chief Executive Officer/Managing Director of RHB Bank Berhad. She was conferred a 'Fellow' of the Institute of Bankers Malaysia by the Governor of Bank Negara Malaysia in April 2002 and is a Certified Risk Professional (CRP) with the Bank Administration Institute (BAI). Her other directorships in public companies include Malaysian External Trade Development Corporation (MATRADE), Hong Leong Credit Berhad, Hong Leong Islamic Bank Berhad and Hong Leong Tokio Marine Takaful Berhad.

Mrs. Chia attended three out of seven Board meetings held during the financial year. She has no family relationship with any Director and/or major shareholder of Cagamas Berhad. She has not been convicted of any offence within the past 10 years.



YM Tunku Afwida Tunku A. Malek

YM Tunku Afwida Tunku A. Malek, warganegara Malaysia, berusia 42 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 4 Januari 2005 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif. Beliau juga ialah Pengerusi Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah.

YM Tunku Afwida ialah Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Eksekutif Kenanga Investment Bank Berhad (dahulu dikenali sebagai K&N Kenanga Berhad). Beliau memegang Ijazah dalam Ekonomi dan Perakaunan (Kepujian) dari City University, London, dan diiktiraf sebagai Akauntan Bertauliah dari Institute of Chartered Accountants in England & Wales.

Sebelum menyertai Kenanga Investment Bank Berhad (dahulu dikenali sebagai K&N Kenanga Berhad), beliau ialah Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Eksekutif Malaysian International Merchant Bankers Berhad. Beliau juga pernah menyertai Commerce Asset Fund Managers Sdn Bhd (CAFM), Touche Ross & Co di United Kingdom, Rashid Hussain Asset Management di Kuala Lumpur dan UOB Asset Management di Singapura.

YM Tunku Afwida telah menghadiri lima daripada tujuh mesyuarat Lembaga yang telah diadakan pada sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain dan/atau pemegang syer utama Cagamas Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

YM Tunku Afwida Tunku A. Malek, Malaysian, aged 42, was appointed to the Board of Directors on 4 January 2005 as a Non-Executive Director. She is also the Chairman of the Company's Board Audit Committee.

YM Tunku Afwida is the Chief Executive Officer/Executive Director of Kenanga Investment Bank Berhad (formerly known as K&N Kenanga Berhad). She holds an honours degree in Economics and Accounting from the City University, London. YM Tunku Afwida is a Qualified Chartered Accountant of the Institute of Chartered Accountants in England & Wales.

Prior to joining Kenanga Investment Bank Berhad (formerly known as K&N Kenanga Berhad), YM Tunku Afwida was the Chief Executive Officer/Executive Director of Malaysian International Merchant Bankers Berhad. She was also once attached to Commerce Asset Fund Managers Sdn Bhd (CAFM), Touche Ross & Co in the United Kingdom, Rashid Hussain Asset Management in Kuala Lumpur and UOB Asset Management in Singapore. YM Tunku Afwida is also a director of Kenanga Asset Management Sdn Bhd.

YM Tunku Afwida has attended five out of seven Board meetings held during the financial year. YM Tunku Afwida has no family relationship with any Director and/or major shareholder of Cagamas Berhad. She has not been convicted of any offence within the past 10 years.





Mr. Tang Wing Chew

Encik Tang Wing Chew, warganegara Malaysia, berusia 63 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 3 Januari 2006 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif. Beliau juga ialah ahli Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah.

Encik Tang menerima Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya. Beliau mempunyai lebih dari 35 tahun pengalaman dalam industri perkhidmatan kewangan. Beliau menyertai Bank Negara Malaysia pada tahun 1966 sebagai Penolong Ahli Ekonomi, Jabatan Penyelidikan Ekonomi. Sepanjang 18 tahun kerjaya beliau di Bank Negara Malaysia, beliau pernah berkhidmat sebagai Pengurus (Cawangan Pulau Pinang), Pengetua (Pusat Latihan Kakitangan Bank Negara Malaysia) dan Pengurus (Bahagian Perancangan Operasi) yang bertanggungjawab ke atas automasi Sistem Penjelasan Cek antara bank Kuala Lumpur pada tahun 1984.

Encik Tang pernah berkhidmat di dua syarikat kewangan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurus Besar (Operasi). Encik Tang juga pernah berkhidmat sebagai Penasihat Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif di sebuah syarikat insurans.

Encik Tang juga ialah seorang Pengarah Bukan Eksekutif Bebas dan ahli Jawatankuasa Audit bagi dua buah syarikat insurans am. Encik Tang juga berkhidmat sebagai ahli Lembaga Pengarah bagi sebuah syarikat Pemajakan dan Kredit.

Encik Tang telah menghadiri kesemua tujuh mesyuarat Lembaga yang telah diadakan sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain dan/atau pemegang syer utama Cagamas Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

Mr. Tang Wing Chew, Malaysian, aged 63, was appointed to the Board of Directors on 3 January 2006 as a Non-Executive Director. He is also a member of the Company's Board Audit Committee and Board Risk Committee.

Mr. Tang graduated with a Bachelor of Arts (Hons) degree from the University of Malaya. He has more than 35 years working experience in the financial services industry. He joined Bank Negara Malaysia (BNM) in 1966 as an Assistant Economist, Economic Research Department. During his 18 years of service with BNM, he also served as Manager (Penang Branch), Principal (BNM Staff Training Centre) and Manager (Operational Planning Division), where he was responsible for the automation of Kuala Lumpur Interbank Cheque Clearing System in 1984.

Mr. Tang had working experience in two finance companies, where he was the Chief Executive Officer and General Manager (Operations). Mr. Tang had also served as an Executive Adviser and the Chief Executive Officer with an insurance company.

At Board level, Mr. Tang served as an Independent Non-Executive Director and Audit Committee member of two general insurance companies. Mr. Tang also served as a Board member of a Leasing and Credit company.

Mr. Tang attended all seven Board meetings held during the financial year. Mr. Tang has no family relationship with any Director and/or major shareholder of Cagamas Berhad. He has not been convicted of any offence within the past 10 years.



Mr. Cheah Tek Kuang

Encik Cheah, warganegara Malaysia, berusia 60 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 29 April 2006 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif. Beliau juga ialah Pengerusi Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah dan ahli Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah.

Encik Cheah ialah Pengarah Urusan Kumpulan AMMB Holdings Berhad. Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya. Beliau menyertai AmInvestment Bank Berhad (dahulu dikenali sebagai AmMerchant Bank Berhad) pada tahun 1978 dan memegang jawatan sebagai Pengarah Urusan semenjak tahun 1994. Beliau telah dinamai semula sebagai Pengarah Urusan Kumpulan AmInvestment Bank Berhad (dahulu dikenali sebagai AmMerchant Bank Berhad) pada 1 Januari 2002. Beliau juga ialah ahli pelbagai Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan AmBank. Sebelum menyertai AmInvestment Bank Berhad (dahulu dikenali sebagai AmMerchant Bank Berhad), Encik Cheah telah berkhidmat dengan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia. Beliau juga ialah Pengarah dalam syarikat awam lain dalam Kumpulan AmBank termasuk Kumpulan AmInvestment Berhad, AmIslamic Bank Berhad dan beberapa anak syarikat lain. Beliau kini ialah ahli Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Bursa Malaysia Berhad. Beliau juga ialah Pengerusi silih ganti Persatuan Bank-bank Pelaburan Malaysia.

Encik Cheah telah menghadiri tiga mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan pada sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan pengarah lain dan/atau pemegang syer utama Cagamas Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

Mr. Cheah, Malaysian, aged 60, was appointed to the Board of Directors on 29 April 2006 as a Non-Executive Director. He is also the Chairman of the Company's Board Staff Compensation and Organisation Committee and member of the Board Executive Committee.

Mr. Cheah is the Group Managing Director of AMMB Holdings Berhad. He graduated with a bachelor Degree of Economics from University of Malaya. Mr. Cheah joined AmInvestment Bank Berhad (formerly known as AmMerchant Bank Berhad) in 1978 and held the position of Managing Director since 1994. He was redesignated to Group Managing Director of AmInvestment Bank Berhad (formerly known as AmMerchant Bank Berhad) on 1 January 2002. He also sits on the various executive committees of the AmBank Group. Prior to joining AmInvestment Bank Berhad (formerly known as AmMerchant Bank Berhad), Mr. Cheah was with Malaysian Industrial Development Authority. His directorships in public companies in the AmBank Group include AmInvestment Group Berhad, AmIslamic Bank Berhad and several other subsidiaries. Mr. Cheah is presently a member of the Board of the Employees Provident Fund and Bursa Malaysia Berhad. He is also the Alternate Chairman of the Malaysia Investment Banking Association.

Mr. Cheah attended three Board meetings held during the financial year. He has no family relationship with any Director and/or major shareholder of Cagamas Berhad. He has not been convicted of any offence within the past 10 years.

Mr. George Ratilal

Encik George Ratilal, warganegara Malaysia, berusia 47 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 29 April 2006 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif. Beliau juga ialah ahli Jawatankuasa Kewangan Lembaga Pengarah.

Encik Ratilal ialah Naib Presiden, Kewangan Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) dan ahli Jawatankuasa Pengurusan PETRONAS. Beliau juga ialah ahli Lembaga Pengarah beberapa subsidiari PETRONAS. Sebelum menyertai PETRONAS, beliau telah menyertai sebuah bank saudagar tempatan bagi tempoh 18 tahun, khusus dalam kewangan korporat di mana beliau telah terlibat dalam khidmat nasihat bagi penggabungan dan pemerolehan serta pasaran modal.

Beliau menerima MBA dari University of Aston di Birmingham, UK.

Encik Ratilal telah menghadiri satu mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan pada sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan pengarah lain dan/atau pemegang syer utama Cagamas Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

Mr. George Ratilal, Malaysian, aged 47, was appointed to the Board of Directors on 29 April 2006 as a Non-Executive Director. He is also a member of the Board Finance Committee.

Mr. Ratilal is the Vice President, Finance of Petroleum National Berhad (PETRONAS) and a member of its Management Committee. He sits on the board of several subsidiaries of PETRONAS. Prior to joining PETRONAS in 2003, he was attached with a local merchant bank for 18 years, concentrating in corporate finance where he was involved in advisory work in mergers and acquisitions, and the capital markets.

He holds an MBA from the University of Aston in Birmingham, UK.

Mr. Ratilal attended one Board meeting held during the financial year. He has no family relationship with any Director and/or major shareholder of Cagamas Berhad. He has not been convicted of any offence within the past 10 years.



Dato' Sri Abdul Hamidy Abdul Hafiz

Dato' Sri Abdul Hamidy Abdul Hafiz, warganegara Malaysia, berusia 50 tahun, telah dilantik sebagai Lembaga Pengarah pada 18 Januari 2007 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif.

Dato' Sri Hamidy ialah Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Affin Bank Berhad. Beliau memegang MBA dan ialah Ahli Utama Institut Bank-bank Malaysia. Sebelum menyertai Affin Bank Berhad, Dato' Sri Hamidy ialah Pengarah Urusan Pengurusan Danaharta Nasional Berhad. Beliau kini ialah Pengerusi Persatuan Bank-bank dalam Malaysia, ahli Jawatankuasa Penasihat Bank Negara Malaysia dan ahli Jawatankuasa Penyenarai Bursa Malaysia Sekuriti Berhad. Beliau ialah Pengarah dalam syarikat awam lain termasuk Affin Investment Bank Berhad, Affin Islamic Bank Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, Asean Finance Corporation Limited, ABM-MCD Holdings Sdn Bhd, AFC Holdings (Malaysia) Sdn Bhd, BFC Holdings Sdn Bhd dan Financial Mediation Bureau.

Dato' Sri Hamidy tidak mempunyai hubungan keluarga dengan pengarah lain dan/atau pemegang syer utama Cagamas Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

Dato' Sri Abdul Hamidy Abdul Hafiz, Malaysian, aged 50, was appointed to the Board of Directors on 18 January 2007 as a Non-Executive Director.

Dato' Sri Hamidy is the Managing Director/Chief Executive Officer of Affin Bank Berhad. He holds an MBA and is a Fellow of the Institute of Bankers Malaysia. Prior to joining Affin Bank Berhad, Dato' Sri Hamidy was the Managing Director of Pengurusan Danaharta Nasional Berhad. He is presently the Chairman of Association of Banks in Malaysia, a member of the Bank Negara Malaysia Advisory Panel and sits on the Listing Committee of the Bursa Malaysia Securities Berhad. Dato' Sri Hamidy's other directorships in public companies include Affin Investment Bank Berhad, Affin Islamic Bank Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, Asean Finance Corporation Limited, ABM-MCD Holdings Sdn Bhd, AFC Holdings (Malaysia) Sdn Bhd, BFC Holdings Sdn Bhd and Financial Mediation Bureau.

Dato' Sri Hamidy has no family relationship with any Director and/or major shareholder of Cagamas Berhad. He has not been convicted of any offence within the past 10 years.



Lembaga Pengarah Cagamas Berhad yang dianggotai oleh mereka yang dilantik oleh Lembaga Pengarah dan wakil-wakil daripada Bank Negara Malaysia, Persatuan Bank-bank dalam Malaysia dan Persatuan Bank-bank Pelaburan Malaysia, adalah bertanggungjawab untuk merumus dasar am Syarikat. Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah yang dianggotai oleh tiga orang Pengarah telah ditubuhkan untuk membuat keputusan bagi pihak Lembaga Pengarah sewaktu ia tidak bersidang. Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang lain terdiri daripada Jawatankuasa Kewangan Lembaga Pengarah yang mengkaji dan merumus dasar-dasar berkaitan dengan operasi perniagaan Syarikat, Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah yang mengkaji pampasan dan faedah untuk kakitangan serta rancangan organisasi dan sumber tenaga manusia, Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah yang mengkaji audit yang dibuat ke atas Syarikat ini oleh juruaudit luar di samping keberkesanan tatacara kewangan dan kawalan dalaman dan Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah yang menyelia pengurusan risiko yang berkaitan dengan operasi dan kegiatan Syarikat.

The Board of Directors of Cagamas Berhad, comprising appointees of the Board and nominees of Bank Negara Malaysia, The Association of Banks in Malaysia and the Malaysian Investment Banking Association, is responsible for the formulation of the Company's general policies. For the purpose of decision-making between Board meetings, a Board Executive Committee comprising three Directors acts on behalf of the Board. The other Committees of the Board are the Board Finance Committee which reviews and develops policies for the Company's business operations, the Board Staff Compensation and Organisation Committee which reviews the compensation and benefits for staff as well as organisation and manpower planning, the Board Audit Committee which reviews the audit of the Company by the external auditor as well as the effectiveness of the financial and internal control procedures and the Board Risk Committee which oversees the management of risk associated with the Company's operations.

AHLI JAWATANKUASA EKSEKUTIF LEMBAGA PENGARAH MEMBERS OF THE BOARD EXECUTIVE COMMITTEE

- Dato' Ooi Sang Kuang (Pengerusi/Chairman)
- Dato' Sri Tay Ah Lek
- Mr. Cheah Tek Kuang

AHLI JAWATANKUASA KEWANGAN LEMBAGA PENGARAH MEMBERS OF THE BOARD FINANCE COMMITTEE

- Datuk Amirsham A. Aziz (Pengerusi/Chairman)
- Dato' Sri Tay Ah Lek
- Dato' Mohd Razif Abdul Kadir
- Dato' Albert Yeoh Beow Tit
- Mr. George Ratilal

AHLI JAWATANKUASA PAMPASAN KAKITANGAN DAN ORGANISASI LEMBAGA PENGARAH MEMBERS OF THE BOARD STAFF COMPENSATION AND ORGANISATION COMMITTEE

- Mr. Cheah Tek Kuang (Pengerusi/Chairman)
- Dato' Albert Yeoh Beow Tit

AHLI JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA PENGARAH MEMBERS OF THE BOARD AUDIT COMMITTEE

- YM Tunku Afwida Tunku A. Malek (Pengerusi/Chairman)
- Mrs. Yvonne Chia
- Mr. Tang Wing Chew

AHLI JAWATANKUASA RISIKO LEMBAGA PENGARAH MEMBERS OF THE BOARD RISK COMMITTEE


- Dato' Albert Yeoh Beow Tit (Pengerusi/Chairman)
- Mrs. Yvonne Chia
- Mr. Tang Wing Chew

STRUKTUR MODAL SYER CAGAMAS PADA 30 MAC 2007 CAGAMAS' SHARE CAPITAL STRUCTURE AS AT 30 MARCH 2007

Modal Syer dibenarkan : 500 juta syer biasa RM1 setiap satu
Authorised Share Capital : 500 million ordinary shares of RM1 each

Modal diterbitkan dan dibayar : 150 juta syer biasa RM1 setiap satu
Issued and Paid-up Capital : 150 million ordinary shares of RM1 each

STRUKTUR PEMEGANGAN SYER PADA 30 MAC 2007 SHAREHOLDING STRUCTURE AS AT 30 MARCH 2007



Institusi	% Pemegangan Syer	Bilangan Pemegang Syer	Julat % Pemegangan Syer
Institutions	% Shareholding	No. of Shareholders	Range of % Shareholding
Bank Negara Malaysia Central Bank of Malaysia	20.0	1	20.0
Bank Perdagangan Commercial Banks	71.0	18	0.2 – 16.0
Bank Pelaburan Investment Banks	9.0	8	0.3 – 3.9
Jumlah Total	100.0	27	–

ANALISIS PEMEGANGAN SYER PADA 30 MAC 2007
ANALYSIS OF SHAREHOLDINGS AS AT 30 MARCH 2007

Saiz Pemegang Syer Size of Shareholding	Bilangan Pemegang Syer No. of Shareholders	% Pemegang Syer % of Shareholders	Bilangan Syer Dipegang No. of Shares Held	% Modal Diterbitkan % of Issued Capital
100,001 ke kurang dari 7,500,000 (5% daripada syer yang diterbitkan) 100,001 to less than 7,500,000 (5% of issued shares)	22	81.5	54,669,000	36.4
7,500,000 (5%) dan lebih 7,500,000 (5%) and above	5	18.5	95,331,000	63.6

PEMEGANG SYER PADA 30 MAC 2007
SHAREHOLDERS AS AT 30 MARCH 2007

Pemegang Syer Shareholders	Bilangan Syer No. of Shares	% Pemegangan Syer % Shareholding
Bank Negara Malaysia	30,000,000	20.0
CIMB Group	24,684,000	16.5
CIMB Bank Berhad (<i>formerly known as Bumiputra-Commerce Bank Berhad</i>)	23,934,000	16.0
CIMB Investment Bank Berhad (<i>formerly known as Commerce International Merchant Bankers Berhad</i>)	750,000	0.5
Maybank Group	20,679,000	13.8
Malayan Banking Berhad	19,179,000	12.8
Aseambankers Malaysia Berhad	1,500,000	1.0
RHB Bank Group	13,532,400	9.0
RHB Bank Berhad	12,332,400	8.2
RHB Investment Bank Berhad (<i>formerly known as RHB Sakura Merchant Bankers Berhad</i>)	1,200,000	0.8
AmBank Group	12,066,000	8.0
AmBank (M) Berhad (<i>formerly known as AmFinance Berhad</i>)	6,177,000	4.1
AmInvestment Bank Berhad (<i>formerly known as AmMerchant Bank Berhad</i>)	5,889,000	3.9
Public Bank Group	10,485,600	7.0
Public Bank Berhad	9,885,600	6.6
Public Investment Bank Berhad (<i>formerly known as PB Securities Sdn. Bhd.</i>)	600,000	0.4
Hong Leong Bank Berhad	6,486,000	4.3
HSBC Bank Malaysia Berhad	6,201,000	4.1
Alliance Bank Group	5,583,000	3.7
Alliance Bank Malaysia Berhad	3,183,000	2.1
Alliance Investment Bank Berhad (<i>formerly known as Alliance Merchant Bank Berhad</i>)	2,400,000	1.6
Affin Bank Group	4,410,000	2.9
Affin Bank Berhad	3,660,000	2.4
Affin Investment Bank Berhad (<i>formerly known as Affin Merchant Bank Berhad</i>)	750,000	0.5
EON Bank Berhad	2,472,000	1.7


PEMEGANG SYER PADA 30 MAC 2007 (SAMBUNGAN)
SHAREHOLDERS AS AT 30 MARCH 2007 (CONTINUED)


Pemegang Syer Shareholders	Bilangan Syer No. of Shares	% Pemegangan Syer % Shareholding
Standard Chartered Bank Malaysia Berhad	4,590,000	3.1
United Overseas Bank (Malaysia) Berhad	3,330,000	2.2
OCBC Bank (Malaysia) Berhad	2,997,000	2.0
Bank of Tokyo-Mitsubishi UFJ (Malaysia) Berhad <i>(formerly known as Bank of Tokyo-Mitsubishi (Malaysia) Berhad)</i>	738,000	0.5
Southern Investment Bank Berhad	450,000	0.3
Bangkok Bank Berhad	369,000	0.3
The Bank of Nova Scotia Berhad	327,000	0.2
ABN AMRO Bank Berhad	300,000	0.2
Deutsche Bank (Malaysia) Berhad	300,000	0.2



Kakitangan kami adalah
aset strategik terulung dan
pembeza kompetitif kami.
Sebagai pemimpin industri,
kami membantu
mewujudkan kelebihan
bagi pasaran berasingan.

carta organisasi/organisation chart





kemuncak kewangan/financial highlights


HASIL (RM JUTA) REVENUE (RM MILLION)	1997	1998	1999	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006
Hasil Kendalian Kasar Gross Operating Revenue	1,394.6	1,884.2	1,465.6	1,298.8	1,145.8	1,181.8	1,117.0	1,197.1	1,084.9	1,066.6
Untung Sebelum Cukai dan Zakat Profit Before Tax and Zakat	173.8	240.2	220.4	197.9	165.1	207.5	192.5	183.3	150.1	128.9
Untung Selepas Cukai dan Zakat Profit After Tax and Zakat	124.6	172.8	220.3	141.7	118.4	150.1	138.3	131.3	107.0	93.3
Dividen Selepas Cukai Dividend After Tax	17.2	14.4	20.0	23.8	21.6	166.5	16.2	16.2	16.2	16.2

KUNCI KIRA-KIRA (RM JUTA) BALANCE SHEET (RM MILLION)


Pinjaman Gadaai Janji Mortgage Loans	21,960.4	22,124.8	18,360.3	18,353.6	15,685.7	14,816.8	15,195.6	13,565.0	11,442.7	8,671.1
Hutang Sewa Beli dan Pemajakan Hire Purchase and Leasing Debts	-	200.0	1,659.4	3,843.9	6,437.1	10,513.3	11,235.8	11,732.2	9,735.1	7,217.4
Hutang Pembiayaan Secara Islam Islamic Financing Debts	84.7	150.7	120.4	213.0	142.9	703.4	907.7	2,211.2	2,682.1	5,255.6
Jumlah Aset Total Assets	22,221.4	22,654.7	20,424.1	22,692.4	22,811.7	26,383.1	27,853.1	28,283.3	25,938.4	23,046.4
Sekuriti Hutang Debt Securities	21,343.6	21,197.3	19,370.0	21,442.0	21,516.5	24,940.2	26,433.2	26,737.4	24,359.5	21,429.4
Modal Berbayar Paid-up Capital	80.0	100.0	100.0	150.0	150.0	150.0	150.0	150.0	150.0	150.0
Rizab Reserves	371.6	510.0	710.3	796.6	885.8	1,014.3	986.1	1,106.5	1,197.3	1,271.7
Dana Pemegang Syer Shareholders' Funds	451.6	610.0	810.3	946.6	1,035.8	1,164.3	1,136.1	1,256.5	1,365.3	1,432.9

Termasuk dividen kasar akhir yang dicadangkan sebanyak 10 sen sesyer (tolak cukai pendapatan) berjumlah RM10,950,000 bergantung kepada kelulusan para pemegang syer pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat / Includes the proposed final gross dividend of 10 sen per share, less income tax, amounting to RM10,950,000 subject to shareholders' approval at the Annual General Meeting of the Company.


HASIL KENDALIAN KASAR RM JUTA GROSS OPERATING REVENUE RM MILLION




UNTUNG SEBELUM CUKAI DAN ZAKAT RM JUTA PROFIT BEFORE TAX AND ZAKAT RM MILLION



JUMLAH ASET RM JUTA TOTAL ASSETS RM MILLION



DANA PEMEGANG SYER RM JUTA SHAREHOLDERS' FUNDS RM MILLION



**SESYER (SEN)
PER SHARE (SEN)**

	1997	1998	1999	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006
Perolehan * Earnings *	83.1	115.2	146.8	94.5	78.9	100.0	92.2	87.5	71.3	62.2
Aset Ketara Bersih * Net Tangible Assets *	301.1	406.7	540.2	631.1	690.5	776.2	757.4	837.7	900.9	944.8
Dividen Kasar Gross Dividend	30.0	20.0	20.0	22.0	20.0	118.0	15.0	15.0	15.0	15.0 #

**NISBAH KEWANGAN
FINANCIAL RATIOS**


Pulangan Sebelum Cukai atas Purata Dana Pemegang Syer (%) Pre-tax Return on Average Shareholders' Funds (%)	43.7	45.2	31.0	22.5	16.7	18.9	16.7	15.3	11.5	9.3
Pulangan Selepas Cukai atas Purata Dana Pemegang Syer (%) After-tax Return on Average Shareholders' Funds (%)	31.3	32.6	31.0	16.1	11.9	13.6	12.0	11.0	8.2	6.7
Pulangan Sebelum Cukai atas Purata Jumlah Aset (%) Pre-tax Return on Average Total Assets (%)	0.90	1.07	1.02	0.92	0.73	0.84	0.71	0.65	0.55	0.53
Pulangan Selepas Cukai atas Purata Jumlah Aset (%) After-tax Return on Average Total Assets (%)	0.65	0.77	1.02	0.66	0.52	0.61	0.51	0.47	0.39	0.38
Lindungan Dividen (kali) Dividend Cover (times)	7.2	12.0	11.0	6.0	5.5	0.9	8.5	8.1	6.6	5.8 #
Nisbah Modal Berwajaran Risiko (%) Risk-Weighted Capital Ratio (%)	10.7	14.6	22.2	22.4	24.2	22.3	18.9	20.6	24.5	24.5

* Berdasarkan 150 juta syer biasa RM1.00 setiap satu / Based on 150 million ordinary shares of RM1.00 each

Termasuk dividen kasar akhir yang dicadangkan sebanyak 10 sen sesyer (tolak cukai pendapatan) berjumlah RM10,950,000 bergantung kepada kelulusan para pemegang syer pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat / Includes the proposed final gross dividend of 10 sen per share, less income tax, amounting to RM10,950,000 subject to shareholders' approval at the Annual General Meeting of the Company.


PEROLEHAN SESYER SEN

EARNINGS PER SHARE SEN




ASET KETARA BERSIH SESYER SEN

NET TANGIBLE ASSETS PER SHARE SEN




PULANGAN ATAS PURATA JUMLAH ASET PERATUS

RETURN ON AVERAGE TOTAL ASSETS PER CENT



PULANGAN ATAS PURATA DANA PEMEGANG SYER PERATUS

RETURN ON AVERAGE SHAREHOLDERS' FUND PER CENT



ahli pengurusan/management team

1. MR. STEVEN CHOY

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif
President/Chief Executive Officer

2. MR. AZIZI ALI

Naib Presiden Kanan, Perniagaan Islam & Penssekuritan
Senior Vice President, Islamic Business & Securitisation

3. MR. S. SHANMUGANATHAN

Naib Presiden Kanan, Operasi & Perkhidmatan
Senior Vice President, Operations & Services

4. MR. PETER LEE

Naib Presiden Kanan, Perniagaan Teras
Senior Vice President, Core Business

5. MS. PEGGY HENG YEA CHIN

Naib Presiden/Ketua, Perhubungan Klien
Vice President/Head, Client Relationships

6. MS. MAZURA MUHAMAD

Naib Presiden/Ketua, Pengurusan Proses Perniagaan
Vice President/Head, Business Process Management

7. MS. SARAH ABDUL AZIZ

Naib Presiden/Ketua, Sekretariat & Komunikasi Korporat
Vice President/Head, Corporate Secretariat & Communication

8. MR. SANDEEP BHATTACHARYA

Naib Presiden/Ketua, Penssekuritan
Vice President/Head, Securitisation

9. MR. MOHD NOR ABD RAZAK

Naib Presiden/Ketua, Kewangan
Vice President/Head, Finance

10. MR. ABDUL RAHIM B. HUSSIN

Naib Presiden/Ketua, Audit Dalaman
Vice President/Head, Internal Audit

11. MR. ROSLAN AHMAD

Naib Presiden/Ketua, Perniagaan Islam
Vice President/Head, Islamic Business

12. MS. AISHAH MOHIDIN

Naib Presiden/Ketua, Modal Insan dan Pentadbiran
Vice President/Head, Human Capital & Administration

13. MS. MALATHI MENON

Naib Presiden/Ketua, Jabatan Perundangan & Pematuhan
Vice President/Head, Legal & Compliance

14. MR. ANGUS AMRAN

Naib Presiden/Ketua, Jabatan Perbendaharaan & Pasaran Modal
Vice President/Head, Treasury & Capital Markets



**PEJABAT BERDAFTAR/
REGISTERED OFFICE**

19th Floor, West Wing
Menara Maybank
100 Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur
Tel : 603 - 2078 3688
Fax : 603 - 2078 7867
Website : www.cagamas.com.my
e-mail : info@cagamas.com.my

JURUAUDIT / AUDITORS

Messrs. PricewaterhouseCoopers
11th Floor, Wisma Sime Darby
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur

JURUBANK / BANKERS

Bank Negara Malaysia
Malayan Banking Berhad





Sebagai penyedia penyelesaian, kami akan terus memastikan kepuasan para pelanggan kami melalui penghantaran produk dan perkhidmatan kewangan yang inovatif tepat pada masanya.



“Perjalanan Cagamas akan terus menjadi lebih mencabar tetapi juga menarik. Sebaik sahaja Syarikat ini mengorak langkah untuk mengubah menjadi sebuah syarikat pensekuritian terkemuka di negara ini, Cagamas perlu kekal di hadapan dengan penyelesaian inovatif yang didorong pasaran.”

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Kedua Puluh dan Penyata Kewangan Cagamas Berhad, Perbadanan Cagaran Malaysia, untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006.

Tahun 2006 melakarkan peristiwa penting buat Cagamas. Syarikat ini telah melaksanakan kajian semula yang komprehensif terhadap model perniagaannya pada tahun 2006, terutamanya peranannya pada masa depan dalam konteks perubahan pesat landskap kewangan dan keperluan untuk penyusunan semula bagi memperkukuhkan lagi asas untuk pertumbuhan perniagaan masa depan yang terjamin. Kajian semula ini telah menghasilkan Rangka Kerja Strategik tiga tahun yang bertema “Membina Asas untuk Pertumbuhan”, bermula dengan Pelan Perniagaan bagi tahun 2007. Dengan rangka kerja tersebut, sebuah program telah dirancang bagi Cagamas mencapai aspirasinya untuk menjadi sebuah syarikat pensekuritian terkemuka dalam negara dan juga di rantau Asean.

KEMUNCAK PENTING

Dari segi kewangan, tahun 2006 terus mencabar buat Cagamas. Lebih mudah tunai dalam sistem perbankan dan persekitaran kadar faedah yang agak stabil melembapkan permintaan untuk segmen tradisional Cagamas iaitu pembelian dengan rekursa. Pada tahun 2006, Syarikat ini berjaya membeli sebanyak RM5,815 juta pinjaman dan hutang dengan rekursa dibandingkan dengan RM3,591 juta dalam tahun sebelumnya. Sepanjang tahun, langkah proaktif telah diambil oleh Syarikat ini untuk meluaskan asas pelanggannya. Ini telah membawa kepada kejayaan Syarikat ini membeli hutang sewa beli secara terus daripada sebuah institusi bukan kewangan, walaupun institusi kewangan keberatan untuk menjual pinjaman dan hutang mereka kepada Cagamas.

Jumlah pinjaman dan hutang yang belum dilunas yang dipegang oleh Cagamas pada 31 Disember 2006 susut kepada RM21,144 juta atau penurunan sebanyak 11.4% dibandingkan dengan RM23,860 juta pada akhir tahun 2005 disebabkan penurunan berterusan pinjaman yang agak besar. Sehubungan itu, jumlah sekuriti hutang yang belum ditebus pada 2006 ialah RM21,385 juta dibandingkan dengan RM24,357 juta pada tahun sebelumnya.

Bon dan nota yang diterbitkan oleh Cagamas pada tahun 2006 terus diberi penarafan tertinggi AAA dan P1 oleh Rating Agency Malaysia Berhad dan AAA dan MARC-1 oleh Malaysian Rating Corporation Berhad. Penarafan tersebut mencerminkan pematuhan tegas pihak pengurusan kepada garis panduan berhemat yang mentadbir operasi pembelian dan pelaburan serta aset terkumpul Cagamas yang bermutu tinggi.

PRESTASI KEWANGAN

Kedudukan kewangan Syarikat ini pada tahun 2006 termasuk kedudukan kewangan anak syarikat dan Kumpulan secara keseluruhan. Pada tahap Syarikat, untung sebelum cukai untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006 ialah RM129 juta atau penurunan daripada untung sebelum cukai sebanyak RM150 juta pada tahun sebelumnya. Kerosotan ini berpunca daripada margin yang mengecil serta kematangan pinjaman dan hutang berkadar hasil tinggi walaupun jumlah pembelian meningkat dibandingkan dengan tahun 2005.

Oleh itu, pulangan selepas cukai syer menyusut daripada 71 sen pada tahun 2005 kepada 62 sen pada tahun 2006. Ini memberikan pulangan selepas cukai sebanyak 6.7% ke atas purata dana pemegang syer, dibandingkan dengan 8.2% pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, dana pemegang syer meningkat sebanyak 5.0% daripada RM1,365 juta pada tahun 2005 kepada RM1,433 juta pada tahun 2006. Aset ketara bersih syer pula meningkat daripada RM9.01 pada akhir tahun 2005 kepada RM9.45 pada akhir tahun 2006.

Pada tahap Kumpulan, untung sebelum cukai untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006 merosot kepada RM364 juta dibandingkan dengan RM457 juta pada tahun 2005. Ini termasuk keuntungan Cagamas MBS Berhad iaitu sebuah syarikat tujuan khas yang ditubuhkan khusus untuk penssekuritan pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan. Sehubungan itu, jumlah aset Kumpulan ini iaitu RM29,327 juta pada akhir 2006 susut dibandingkan dengan RM32,038 juta pada tahun 2005.

DIVIDEN

Untuk setengah tahun berakhir 30 Jun 2006, Lembaga Pengarah mengisytiharkan pembayaran dividen interim sebanyak 5 sen sesyer (ditolak cukai pendapatan). Lembaga Pengarah telah mencadangkan pembayaran dividen akhir sebanyak 10 sen sesyer (ditolak cukai pendapatan). Ini setelah mengambil kira keperluan Syarikat ini untuk memelihara modalnya bagi menyokong penjana jumlah perniagaan yang lebih besar melalui program penssekuritan dan kehematan bagi menyokong potensi pembentukan kelas aset yang baru dan lebih berisiko di dalam buku Syarikat ini di masa hadapan. Dengan cadangan dividen akhir ini, jumlah dividen untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006 ialah 15 sen sesyer (ditolak cukai pendapatan).

INISIATIF UNTUK 2006

Tahun 2006 menandakan satu lagi peristiwa penting bagi sektor perbankan Islam di Malaysia yang kekal teguh dan menuju sasaran untuk memenuhi Pelan Induk Sektor Kewangan Islam sehingga tahun 2010. Pada akhir bulan Disember 2006, jumlah aset dalam sektor perbankan Islam meningkat sebanyak 20.5% kepada RM133 bilion atau 12.2% daripada jumlah aset dalam sistem perbankan. Bahagian pasaran untuk deposit dan pembiayaan secara Islam juga meningkat masing-masing kepada 18.2% dan 12.3% daripada jumlah deposit dan pembiayaan sektor perbankan.

Selaras dengan aspirasi kerajaan untuk mempromosikan Malaysia sebagai sebuah pusat kewangan Islam antarabangsa, Syarikat ini mengambil inisiatif untuk menjadi salah satu pesaing terkemuka di negara ini dan juga di rantau ini. Cagamas menyediakan infrastruktur bagi menjayakan terbitan sulung BNM Sukuk Ijarah dengan jumlah terbitan RM400 juta berlandaskan kontrak Islam Al-Ijarah pada bulan Februari 2006. Terbitan ini dilaksanakan oleh anak syarikat milik penuh Syarikat ini, BNM Sukuk Berhad yang ditubuhkan pada bulan Januari 2006. Sukuk Ijarah ini akan menambah kepelbagaian instrumen monetari yang digunakan oleh BNM untuk mengawal kecairan dalam Pasaran Kewangan Islam. Disebabkan terbitannya yang kerap, Sukuk Ijarah dijangka akan digunakan sebagai ukur rujuk bagi bon Islam jangka pendek dan pertengahan.

Tahun 2006 menandakan permulaan fasa baru bagi Cagamas untuk mengorak langkah menjadi sebuah syarikat penssekuritan terkemuka. Pelan hala tuju tersebut telah diputuskan pada bulan Mei 2006 apabila Lembaga Pengarah meluluskan Rangka Kerja Strategik yang bertema " Membina Asas untuk Pertumbuhan". Lembaga Pengarah juga memuktamadkan strategi tiga tahun Syarikat ini bersama pelan perniagaan bagi tahun 2007. Ini termasuk strategi kewangan untuk membalik tren keuntungan yang merosot.

Komponen utama rangka kerja tersebut ialah fokus baru terhadap penyediaan penyelesaian dan memenuhi keperluan pasaran. Pembangunan produk-produk baru pada tahun 2006 seperti pembelian tanpa rekurs, pembelian terimaan utiliti dan pembelian pinjaman tak berlunas adalah disasarkan untuk memenuhi keperluan tersebut. Bagi penssekuritan pula, pembangunan penyelesaian penssekuritan inovatif baru telah bermula dengan cadangan pelancaran penssekuritan pinjaman SME sulung Cagamas menerusi anak syarikatnya, Cagamas SME Berhad yang dijadualkan pada suku tahun kedua 2007. Penssekuritan SME berkenaan akan menjadi penggalak kepada seruan Kerajaan untuk merangsang industri SME dan memperkukuhkan komitmen Cagamas terhadap kewajipan negara ini.

Dalam persekitaran yang mencabar bagi margin yang mengecil, Cagamas perlu memperkenalkan lebih banyak struktur pembiayaan inovatif. Pelan untuk memperkenalkan pelbagai alternatif pendanaan seperti program surat perdagangan/nota jangka pertengahan yang akan mengurangkan kos dana secara keseluruhan akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Cagamas sedar tentang keperluan untuk meningkatkan modal insan dan infrastrukturnya secara berterusan. Pada tahun 2006, beberapa inisiatif modal insan telah dijalankan bagi mewujudkan budaya berasaskan prestasi. Ini termasuk penetapan bidang tanggungjawab yang lebih jelas, pelaksanaan sistem pengukur berorientasikan prestasi dan peralihan kepada pakej pampasan dan faedah yang didorong oleh prestasi. Struktur organisasi yang baru juga telah dilaksanakan bersama-sama dengan pengagihan semula sumber bagi mengubah Syarikat ini supaya lebih fokus untuk mencapai matlamat perniagaannya. Syarikat ini juga telah mengenal pasti set kemahiran dan tenaga manusia yang diperlukan bagi menyokong keperluan masa depan Cagamas. Perekrutan secara terpilih telah dijalankan pada tahun 2006 untuk membawa masuk perspektif dan kemahiran baru ke dalam Syarikat ini. Program latihan kakitangan dan pembangunan komprehensif telah juga diwujudkan untuk meningkatkan kemahiran para kakitangan secara berterusan. Diharapkan inisiatif ini akan terus menarik dan mengekalkan bakat terbaik dan pintar serta menjadikan Cagamas sebagai majikan yang menjadi pilihan ramai.

Teknologi sentiasa menjadi salah satu bahagian penting di dalam operasi Syarikat ini. Peningkatan berterusan dan penambahan teknologi baru ialah kunci bagi memastikan Syarikat ini terus kompetitif dan relevan dalam persekitaran perniagaan bersaing

hari ini. Oleh itu, Cagamas telah memulakan pelan pengkomputeran komprehensif untuk menyokong keperluan perniagaan pada masa depan. Ini termasuk pembangunan Sistem Pelaporan untuk pinjaman perumahan Kerajaan dan penambahan kepada Sistem Pemprosesan Pinjaman. Untuk tempoh tiga tahun akan datang, perniagaan dan operasi sokongan akan terus diperkembangkan untuk mencapai kecekapan operasi yang lebih baik.

Rangka kerja ini juga mengiktiraf peningkatan permintaan pasaran untuk urus tadbir korporat dan keperluan untuk meningkatkan piawai urus tadbir korporat. Inisiatif pada tahun 2006 termasuk kelulusan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perusahaan oleh Lembaga Pengarah dan penetapan rangka kerja pematuhan. Ini mencerminkan komitmen berterusan Syarikat ini untuk meningkatkan ketelusan dan integriti semasa menjalankan kesemua aspek operasi perniagaannya. Kemenangan Syarikat ini dalam Anugerah Laporan Tahunan Korporat Kebangsaan (National Annual Corporate Reports Award – NACRA) untuk kecemerlangan keseluruhan dalam laporan tahunan di bawah kategori "Best Annual Report of Non-listed Organisations" (Laporan Tahunan Terbaik bagi Organisasi Tak Tersenarai) untuk tahun 2005 mencerminkan pengiktirafan terhadap usaha yang telah dilakukan oleh Cagamas.

PROSPEK

Perjalanan Cagamas akan terus menjadi lebih mencabar tetapi juga menarik. Sebaik sahaja Syarikat ini mengorak langkah untuk mengubah menjadi sebuah syarikat pensekuritan terkemuka di negara ini, Cagamas perlu kekal di hadapan dengan penyelesaian inovatif yang didorong pasaran. Syarikat ini juga akan terus memainkan peranannya untuk menyumbang kepada pembangunan pasaran modal dengan memperkenalkan instrumen kewangan yang canggih dan inovatif.

Lebih banyak inovasi dijangka berlaku di Malaysia dan di rantau Asia dalam kewangan Islam. Cagamas akan terus menjalankan pembangunan produk dari segi aset Islam dan bon swap bagi memenuhi permintaan pasaran domestik dan antarabangsa yang meningkat. Untuk memenuhi keperluan para pelanggannya yang sentiasa berubah, Syarikat ini perlu membangunkan produk Islam yang baru, canggih, berinovasi dan boleh dipasarkan untuk memenuhi keperluan pembiayaan berbeza penerbit/pembiaya dan juga permintaan para pelabur mengikut pilihan risiko dan pulangan mereka.

Sedang Syarikat ini melangkah ke tahun ke-20 operasinya, komponen teras bagi strategi Syarikat ini ialah untuk terus membina jenama Cagamas. Pihak pengurusan menyedari bahawa perubahan Syarikat ini untuk menjadi sebuah syarikat pensekuritan terkemuka bergantung kepada reputasinya yang kukuh serta penggalakan kemahiran, sumber dan kebolehan. Syarikat ini perlu menguruskan reputasi jenamanya secara proaktif di kalangan para pemegang pelbagai kepentingannya yang terdiri daripada orang awam, pekerja, kumpulan setaraf, pengawal selia dan terutamanya, para pelabur.

Tahun 2007 ialah tahun yang bermakna dengan sambutan kemerdekaan negara yang ke-50 dan Cagamas menyambut tahun ke-20 operasinya. Dengan pihak pengurusan di bawah kepimpinan Ketua Pegawai Eksekutif yang baru, Encik Steven Choy, yang membawa perspektif baru dan memperkenalkan satu rangka kerja strategik, saya yakin bahawa prospek Cagamas untuk tahun 2007 dan ke hadapan kekal cerah, kecuali terdapat faktor-faktor luaran yang menjadi penghalang.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada para pelanggan dan pemegang syer yang dihargai di atas sokongan berterusan serta komitmen mereka terhadap matlamat Syarikat ini. Lembaga Pengarah juga ingin mengucapkan penghargaan kepada pihak berkuasa terutamanya Kementerian Kewangan, Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia di atas sokongan dan bantuan berterusan dan berharga yang mereka berikan.

Cagamas juga telah membuat penyusunan semula Lembaga Pengarah sepanjang tahun supaya melambangkan kepakaran dan penyertaan yang lebih besar dari institusi bukan kewangan dalam Lembaga Pengarah. Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada Encik Cheah Tek Kuang dan Encik George Ratilal yang menyertai pihak Lembaga Pengarah pada bulan April 2006. Saya juga ingin merakamkan penghargaan Lembaga Pengarah di atas sumbangan yang telah diberikan oleh Tan Sri Dato' Azman Hashim, Tan Sri Dato' Tan Teong Hean, Encik Mohamed Azmi Mahmood, Datuk Zarir J. Cama, dan Encik Abdul Karim Md Lassim yang telah bersara daripada Lembaga Pengarah pada bulan April 2006. Syarikat ini berhutang budi terutamanya kepada Tan Sri Dato' Azman dan Tan Sri Dato' Tan yang merupakan pengarah perintis Syarikat ini.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kakitangan Syarikat ini di atas ketekunan mereka dalam menjadikan tahun 2006 suatu tahun yang bermakna dan kami berharap untuk menuai hasil daripada usaha kami dalam tahun-tahun yang akan datang.



Dato' Ooi Sang Kuang
Pengerusi



Kami akan terus
memupuk tenaga kerja
yang berpengetahuan,
mahir dan cekap
bagi mencapai
kecemerlangan dalam
apa jua yang kami ceburi.

Lembaga Pengarah Cagamas komited dalam memastikan Syarikat ini mengamalkan piawai tertinggi bagi urus tadbir korporat supaya urusan Syarikat ini dilaksanakan dengan penuh integriti dan profesionalisme. Ini bertujuan untuk melindungi dan menambah nilai para pemegang syer dan prestasi kewangan Syarikat ini, serta menyumbang kepada pembangunan pasaran bon yang sihat.

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya melaporkan bahawa Syarikat ini telah menerima pakai prinsip dan amalan terbaik daripada Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia (Kod) seperti yang dinyatakan di bawah:

1. LEMBAGA PENGARAH

1.1 Komposisi

Pada masa ini, Lembaga Pengarah dianggotai oleh 11 Pengarah Bukan Eksekutif yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan Bank Negara Malaysia (BNM), Ketua-ketua Eksekutif dan Pegawai-pegawai Kanan institusi kewangan terpilih serta ahli-ahli professional berpengalaman yang dicalonkan oleh Persatuan Bank-bank dalam Malaysia, Persatuan Bank-bank Pelaburan Malaysia (dirujuk sebagai Persatuan) dan Lembaga Pengarah.

Berdasarkan penjelasan umum Kod berkenaan, para Pengarah Cagamas dianggap bebas kerana kesemuanya bebas daripada pengurusan dan tidak terlibat dalam urusan harian perniagaan Syarikat ini. Kesemua Pengarah tidak memegang syer secara peribadi dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pemegang syer utama Syarikat ini. Tiada Pengarah, sama ada secara berkumpulan atau perseorangan, yang menguasai perbincangan atau mempengaruhi keputusan Lembaga Pengarah. Para Pengarah memberikan pandangan yang objektif dan bebas untuk pertimbangan Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah menerajui dan mengawal Syarikat ini dengan berkesan hasil daripada kepelbagaian serta keluasan pengalaman para Pengarah dalam produk dan pasaran kewangan. Para Pengarah menawarkan pelbagai kemahiran dan pengetahuan dalam bidang perbankan, pasaran modal, perakaunan, ekonomi, teknologi maklumat dan pengurusan kewangan.

Lembaga Pengarah telah menggariskan bidang rujukan untuk Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah juga telah meluluskan penguasaan autoriti dan menetapkan had skop dan tanggungjawab Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif. Dalam mesyuarat Lembaga Pengarah, Pengerusi Lembaga Pengarah akan mengetuai perbincangan mengenai strategi keseluruhan, dasar dan pengendalian perniagaan Syarikat ini. Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif pula bertanggungjawab terhadap pelaksanaan strategi dan dasar berkenaan serta pengendalian urusan harian perniagaan Syarikat ini.

1.2 Tugas dan Tanggungjawab

Lembaga Pengarah menyelia pelaksanaan dan prestasi perniagaan Syarikat ini dengan menyemak dan meluluskan rancangan perniagaan strategik tahunan dan belanjawan tahunan Syarikat ini. Laporan terkini tentang operasi utama Syarikat ini dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk semakan pada setiap mesyuarat.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan terdapatnya penyeliaan sewajarnya ke atas pengurusan risiko di dalam Syarikat ini. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah menyelia pembangunan strategi pengurusan risiko, dasar, tatacara dan infrastruktur bagi menaksir, mengukur, mengurus, memantau dan melaporkan pendedahan terhadap pelbagai risiko.

Lembaga Pengarah juga meluluskan pelantikan dan penggantian pihak pengurusan kanan dan menyemak prestasi serta ganjaran mereka berdasarkan saranan daripada Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah.

Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya, Lembaga Pengarah komited kepada ketelusan dan berusaha untuk mengelak dari sebarang keadaan yang membabitkan sengketa kepentingan yang timbul daripada urus niaga yang mungkin menimbulkan persoalan atau keraguan terhadap keutuhan keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah.

2. MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak tujuh kali untuk membincangkan pelbagai perkara termasuk prestasi perniagaan Syarikat ini, profil risiko, rancangan perniagaan dan isu-isu strategik lain yang mempengaruhi perniagaan Syarikat ini serta isu-isu berkaitan anak-anak syarikatnya iaitu Cagamas MBS Berhad, BNM Sukuk Berhad dan Cagamas SME Berhad. Butiran terperinci tentang kehadiran para Pengarah pada mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun 2006 dinyatakan di muka surat 5 di dalam Laporan Tahunan ini.

Laporan terkini mengenai operasi, perkembangan kewangan dan korporat akan terlebih dahulu dihantar kepada para Pengarah sebelum mesyuarat diadakan bagi memberi mereka masa yang secukupnya untuk mengkaji perkara yang akan dibincangkan dalam mesyuarat.

Sekiranya perlu, kesemua Jawatankuasa Lembaga Pengarah berhak mendapatkan khidmat nasihat ahli profesional bebas dan perbelanjaannya akan ditanggung oleh Syarikat ini. Kesemua Pengarah boleh mendapatkan nasihat daripada pengurusan kanan dan khidmat Setiausaha Syarikat yang bertanggungjawab untuk memastikan bahawa tatacara Lembaga Pengarah dituruti dan kesemua peraturan yang berkaitan dipatuhi.

3. PELANTIKAN DAN PEMILIHAN SEMULA PENGARAH

Sebilangan besar Pengarah dicalonkan sebagai ahli Lembaga Pengarah oleh BNM dan Persatuan. Pencalonan ini kemudiannya dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Dari masa ke masa, Lembaga Pengarah juga akan membuat pencalonan ahlinya.

Menurut Tataurus Persatuan Syarikat ini, sekurang-kurangnya satu pertiga daripada Pengarah akan bersara daripada jawatan mereka pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat dan mereka boleh menawarkan diri untuk dilantik semula. Tataurus berkenaan juga menyatakan bahawa setelah dilantik oleh Lembaga Pengarah pada sesuatu tahun, para Pengarah berkenaan tertakluk kepada pelantikan oleh para pemegang syer pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.

4. LATIHAN PENGARAH

Sebahagian daripada para Pengarah terdiri daripada Pengarah syarikat tersenarai awam dan telahpun mengikuti program latihan bertauliah mandatori seperti yang disyaratkan di bawah Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia. Walau bagaimanapun, para Pengarah juga akan sentiasa dimaklumkan mengenai undang-undang dan peraturan baru yang berkaitan pada mesyuarat Lembaga Pengarah.

5. GANJARAN PENGARAH

Lembaga Pengarah, secara keseluruhannya, menentukan ganjaran untuk para Pengarah berdasarkan peranan mereka dalam Lembaga Pengarah. Pengerusi Lembaga Pengarah berkecuali sewaktu perbincangan mengenai ganjaran Pengerusi diadakan. Ganjaran Pengarah diluluskan oleh para pemegang syer pada Mesyuarat Agung Tahunan.

Jumlah ganjaran yang akan dibayar kepada kesemua Pengarah ialah sebanyak RM210,618. Ini merangkumi fi Pengarah sebanyak RM144,618 dan elaun mesyuarat sebanyak RM66,000.

6. JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Dalam melaksanakan tugas mereka, Lembaga Pengarah dibantu oleh lima Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang beroperasi mengikut bidang rujukan yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini terdiri daripada Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Kewangan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah. Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat keputusan dan tindakan bagi pihak Lembaga Pengarah ke atas semua perkara sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah yang seterusnya diadakan. Jawatankuasa yang lain ditugaskan untuk mengkaji isu-isu tertentu dan diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk sama ada meluluskan cadangan pihak pengurusan atau membentangkannya bersama saranan mereka kepada Lembaga Pengarah untuk diputuskan.

7. HUBUNGAN DENGAN PELABUR DAN KOMUNIKASI DENGAN PARA PEMEGANG SYER

Lembaga Pengarah sedia maklum tentang kepentingan komunikasi yang berkesan dan tepat pada masanya dengan kesemua para pemegang syer dan pelabur. Syarikat ini memaklumkan strategi, rancangan, maklumat kewangan dan produk-produk barunya kepada para pemegang syer dan pelabur melalui surat, Laporan Tahunan, kenyataan dan pengumuman akhbar, serta pemberi maklumat kewangan yang lain seperti Bloomberg dan Reuters. Walau bagaimanapun, forum utama bagi dialog dengan para pemegang syer ialah Mesyuarat Agung Tahunan. Pada Mesyuarat tersebut, Pengerusi Lembaga Pengarah melaporkan prestasi Syarikat ini dan memberi peluang kepada para pemegang syer untuk membuat sebarang pertanyaan dan mendapatkan penjelasan berkenaan perniagaan dan prestasi Syarikat ini.

Syarikat juga menerbitkan keputusan kewangan yang telah diaudit dan menyebarkan berita mengenai kegiatan penerbitan sekuriti hutangnya di dalam akhbar-akhbar utama dan perkhidmatan talian. Syarikat ini juga mengendalikan sebuah laman web beralamat www.cagamas.com.my yang menyediakan maklumat terkini yang menyeluruh mengenai produk, kadar Cagamas dan operasi Syarikat ini.

8. KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN AUDIT

8.1 Laporan Kewangan

Matlamat Lembaga Pengarah ialah untuk membentangkan penaksiran yang seimbang tentang kedudukan kewangan dan prospek Syarikat ini di dalam penyata kewangan tahunannya kepada para pemegang syer dan pelabur.

Menurut Akta Syarikat, 1965, para Pengarah dikehendaki menyediakan penyata kewangan bagi setiap tahun kewangan yang memberi gambaran benar dan saksama mengenai kedudukan Syarikat ini. Selepas berbincang dengan Juruaudit Luar, para Pengarah akan menentu dan mengisytiharkan bahawa dalam menyediakan penyata kewangan berkenaan, Syarikat ini telah menggunakan dasar perakaunan yang wajar yang diterima pakai secara konsisten dan disokong oleh pertimbangan dan anggaran yang munasabah, dan kesemua piawai perakaunan yang dianggap perlu diterima pakai telah dipatuhi.

8.2 Kawalan Dalaman

Penyata Kawalan Dalaman Syarikat ini diterangkan pada muka surat 41 hingga 42 di dalam Laporan Tahunan ini.

8.3 Hubungan dengan Juruaudit

Laporan tentang peranan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah berhubung dengan Juruaudit Dalaman dan Luar diterangkan pada muka surat 38 hingga 40 di dalam Laporan Tahunan ini.

Syarikat ini telah mewujudkan hubungan yang telus dan profesional dengan Juruaudit Dalaman dan Luar Syarikat ini melalui Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah. Juruaudit Luar Syarikat ini telah menghadiri tiga mesyuarat pada tahun ini untuk melaporkan keputusan audit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005, keputusan audit bagi setengah tahun berakhir 30 Jun 2006 dan membentangkan skop dan perancangan audit untuk tahun kewangan 2006.

Ganjaran Juruaudit dan juga pembayaran fi bukan audit dinyatakan pada muka surat 113 di dalam Laporan Tahunan ini.

1. KEAHLIAN

Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah (Jawatankuasa) terdiri daripada:

YM Tunku Afwida Tunku A. Malek (*Pengerusi*) *
 Encik Tang Wing Chew (*dilantik pada 21 Mac 2006*)
 Puan Yvonne Chia (*dilantik pada 28 April 2006*)
 Y. Bhg. Tan Sri Dato' Tan Teong Hean (*meletak jawatan pada 28 April 2006*)
 Encik Zarir J. Cama (*meletak jawatan pada 28 April 2006*)

Berdasarkan penerangan umum dalam Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia, kesemua ahli Jawatankuasa ini terdiri daripada Pengarah bukan eksekutif bebas memandangkan mereka tidak terbabit dalam urusan harian Syarikat ini serta bebas daripada pihak pengurusan. Kesemua Pengarah tidak memegang syer secara peribadi dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pemegang syer utama Syarikat ini. Tiada Pengarah, sama ada secara berkumpulan atau individu, yang menguasai atau mempengaruhi Jawatankuasa ini dalam membuat sesuatu keputusan. Para Pengarah berpeluang memberi pandangan bebas mereka untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa ini.

* YM Tunku Afwida Tunku A. Malek telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa setelah Y. Bhg. Tan Sri Dato' Tan Teong Hean meletakkan jawatan pada 28 April 2006.

2. KEHADIRAN DALAM MESYUARAT

Jawatankuasa ini telah mengadakan empat mesyuarat sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006 yang turut dihadiri oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua/Naib Presiden Juruaudit Dalaman. Beberapa pegawai kanan Syarikat ini juga turut hadir pada mesyuarat tertentu. Kehadiran ahli-ahli Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

Nama Ahli Jawatankuasa	Bilangan mesyuarat yang dihadiri
YM Tunku Afwida Tunku A. Malek	4/4
Encik Tang Wing Chew	3/4
Puan Yvonne Chia	1/4
Y. Bhg. Tan Sri Dato' Tan Teong Hean	1/4
Encik Zarir J. Cama	1/4

Juruaudit Luar Syarikat telah menghadiri tiga mesyuarat sepanjang tahun berkenaan untuk melaporkan keputusan audit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005, keputusan audit bagi setengah tahun berakhir 30 Jun 2006 dan membentangkan skop dan perancangan audit untuk tahun kewangan 2006.

3. KOMPOSISI DAN TERMA RUJUKAN

3.1 Saiz dan Komposisi

- Jawatankuasa ini hendaklah dilantik oleh Lembaga Pengarah dari kalangan Pengarah bukan eksekutif dan mestilah mempunyai tidak kurang daripada tiga orang ahli yang majoritinya merupakan Pengarah bebas.
- Sekiranya jumlah ahli didapati kurang daripada tiga orang dalam apa juga keadaan, Lembaga Pengarah hendaklah mengisi kekosongan jawatan tersebut dalam tempoh tiga bulan.
- Ahli-ahli Jawatankuasa ini hendaklah melantik dari kalangan mereka, seorang Pengerusi, yang terdiri dari Pengarah bebas.
- Sekurang-kurangnya seorang daripada ahli Jawatankuasa ini:
 - mestilah seorang ahli Institut Akauntan Malaysia (Malaysian Institute of Accountants - MIA); atau
 - jika beliau bukan ahli MIA, beliau mestilah mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman kerja dan:
 - beliau mestilah lulus peperiksaan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Pertama, Akta Akauntan, 1967; atau
 - beliau mestilah merupakan ahli salah satu persatuan akauntan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Pertama, Akta Akauntan, 1967.
- Kesemua ahli Jawatankuasa ini hendaklah tiada mempunyai pertalian, yang pada pendapat Lembaga Pengarah, akan mempengaruhi ahli tersebut dalam memberikan pendapat yang bebas ketika menjalankan fungsinya sebagai ahli Jawatankuasa ini.

3.2 Bidang Kuasa

- Jawatankuasa ini tidak dikenakan sebarang sekatan dalam mendapatkan sebarang maklumat dan dokumen yang berkaitan dengan aktiviti, dan mereka bebas bertemu dengan Juruaudit Dalaman dan Luar, dan pihak pengurusan Syarikat,

- (b) Jawatankuasa ini diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan khidmat nasihat undang-undang atau khidmat nasihat bebas dari ahli professional luar serta menjemput pihak luar yang mempunyai pengalaman dan kepakaran yang berkaitan untuk menghadiri mesyuarat sekiranya perlu,
- (c) Jawatankuasa ini diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menyiasat sebarang aktiviti dalam bidang kuasanya dan ahli-ahli Jawatankuasa berhak mengarahkan kesemua kakitangan Syarikat untuk memberikan kerjasama sekiranya perlu.

3.3 Mesyuarat

- (a) Mesyuarat hendaklah diadakan sekurang-kurangnya empat kali setahun atau pada sebarang kekerapan yang akan ditentukan oleh Pengerusi.
- (b) Pada kebiasaannya Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Naib-naib Presiden Kanan dan Ketua/Naib Presiden Juruaudit Dalaman akan menghadiri kesemua mesyuarat yang diadakan. Jawatankuasa ini akan bermesyuarat dengan Juruaudit Luar sekurang-kurang sekali dalam setahun tanpa kehadiran pihak pengurusan.
- (c) Kuorum hendaklah terdiri daripada dua orang ahli.
- (d) Ketua/Naib Presiden Juruaudit Dalaman ialah Setiausaha kepada Jawatankuasa ini.

3.4 Tugas dan Tanggungjawab

Jawatankuasa ini akan menyemak, dan sekiranya perlu, melaporkan kepada Lembaga Pengarah mengenai perkara berikut:

(i) Audit Dalaman

- Kecukupan pelan perancangan audit dalaman dan sumber bagi Jabatan Audit Dalaman.
- Meluluskan Piagam Audit Dalaman dan memastikan ia menyediakan kuasa yang sewajarnya untuk Jabatan Audit Dalaman melaksanakan tugasnya.
- Menyemak skop dan program audit bagi Juruaudit Dalaman.
- Laporan audit dalaman bagi menilai penemuan dan memastikan pihak pengurusan mengambil tindakan pemulihan yang pantas dan wajar setelah kekurangan utama dalam kawalan dan tatacara dikenal pasti.

- Meluluskan perlantikan atau pemberhentian khidmat Ketua/Naib Presiden Juruaudit Dalaman.
- Menilai prestasi Ketua/Naib Presiden Juruaudit Dalaman dan menentu serta meluluskan kenaikan gaji tahunan dan bonus beliau setelah berunding dengan pihak pengurusan.

(ii) Audit Luar

- Menyemak pelantikan dan prestasi Juruaudit Luar, fi audit dan sebarang persoalan berkaitan perletakan jawatan atau pemecatan Juruaudit Luar, sebelum mengemukakan cadangan kepada Lembaga Pengarah.
- Membincangkan perkara yang berbangkit daripada audit pada tahun sebelumnya, menyemak dengan Juruaudit Luar skop rancangan audit tahunan semasa mereka, dan penilaian mereka terhadap akaun dan sistem kawalan dalaman serta penemuan dan tindakan yang patut diambil.
- Menyemak perubahan dalam keperluan berkanun dan sebarang permasalahan audit yang ketara yang dijangka timbul berdasarkan pengalaman pada tahun sebelumnya ataupun disebabkan oleh perkembangan baru.

(iii) Laporan Kewangan

Penyata kewangan setengah tahun dan tahunan Syarikat ini diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan, terutamanya berkenaan:

- perubahan atau pelaksanaan dasar dan amalan baru perakaunan;
- peristiwa ketara dan luar biasa; dan
- pematuhan piawaian perakaunan yang diluluskan untuk digunakan dan keperluan undang-undang dan peraturan yang lain.

(iv) Urus Niaga Pihak Berkaitan

Sebarang urus niaga pihak berkaitan atau keadaan yang membabitkan sengketa kepentingan yang mungkin timbul dalam Syarikat ini.

(v) Hal-hal Lain

Hal-hal lain yang dianggap bersesuaian oleh Jawatankuasa ini untuk diberi perhatian atau seperti yang dibenarkan oleh Lembaga Pengarah.

4. RINGKASAN AKTIVITI

Pada sepanjang tahun kewangan 2006, Jawatankuasa ini telah melaksanakan tugasannya seperti yang telah ditetapkan dalam bidang rujukan. Ringkasan aktiviti utama yang dijalankan oleh Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

- (a) Menyemak dan meluluskan Rancangan Audit Dalamam untuk tahun 2007;
- (b) Menyemak penemuan dan cadangan oleh Juruaudit Dalamam serta ulasan pihak pengurusan terhadap penemuan audit dan cadangan tersebut;
- (c) Memantau kemajuan Rancangan Audit Dalamam dan pelaksanaan cadangan audit untuk memastikan tindakan susulan yang sewajarnya telah atau sedang diambil terhadap cadangan tersebut;
- (d) Memantau kemajuan pelaksanaan cadangan yang dikemukakan oleh Pegawai Pemeriksa, Bank Negara Malaysia;
- (e) Menyemak prestasi Ketua/Naib Presiden Juruaudit Dalamam;
- (f) Menyemak prestasi Juruaudit Luar,
- (g) Menyemak skop audit yang dijalankan oleh Juruaudit Luar;
- (h) Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah tentang perlantikan dan fi audit Juruaudit Luar;
- (i) Menyemak keputusan audit oleh Juruaudit Luar bagi setengah tahun dan akhir tahun dan membincangkan penemuan dan perkara lain yang perlu diberi perhatian; dan
- (j) Menyemak penyata kewangan yang diaudit bagi setengah tahun dan akhir tahun dan memastikan penyata tersebut mematuhi keperluan pendedahan oleh pihak yang berkenaan.

5. FUNGSI AUDIT DALAMAN

Syarikat ini mempunyai sebuah Jabatan Audit Dalamam yang mantap yang bertanggungjawab kepada Jawatankuasa ini. Jabatan tersebut juga membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawabnya dalam memastikan Syarikat ini mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh dan berkesan. Jabatan Audit Dalamam ini bebas daripada sebarang aktiviti atau operasi unit operasi lain bagi membolehkannya menyediakan laporan yang bebas dan objektif kepada pihak Jawatankuasa mengenai kedudukan sistem kawalan dalaman dan proses urus tadbir Syarikat ini.

Jabatan Audit Dalamam melaksanakan fungsi audit dalaman Syarikat menurut Piagam Audit dan Rancangan Audit Tahunan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa ini. Rancangan Audit tersebut dibuat berdasarkan keputusan yang diperolehi daripada proses penilaian risiko bersistematik yang telah mengenalpasti, memberi keutamaan dan menghubungkan risiko-risiko Syarikat ini dengan proses dan lingkungan pengauditan utama. Proses penilaian risiko ini juga membolehkan Jabatan Audit Dalamam memberi keutamaan kepada sumber audit dan lingkungan yang akan diaudit.

Sebelum pelaksanaan sesuatu produk perniagaan baru, Jabatan Audit Dalamam dan Jabatan Pengurusan Risiko akan membantu menilai pendedahan risiko dan memastikan terdapatnya prosedur kawalan bagi mengurangkan risiko yang telah dikenal pasti.

Pada keseluruhannya, audit yang dilaksanakan pada sepanjang tahun kewangan menitik beratkan penyemakan bebas ke atas kecukupan sistem kawalan dalaman Syarikat ini bagi memastikan sistem tersebut terus beroperasi dengan berkesan. Laporan audit dalaman diserahkan kepada Jawatankuasa ini untuk dipertimbangkan. Ini membolehkan Jawatankuasa ini melaksanakan fungsi peneliaannya dengan merumuskan pendapat berhubung kecukupan langkah-langkah yang diambil oleh pihak pengurusan.

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah sedia maklum tanggungjawab keseluruhan mereka untuk memastikan Syarikat ini mengekalkan suatu sistem kawalan dalaman yang mantap dan berkesan bagi menyokong pencapaian matlamat Syarikat ini. Sistem kawalan dalaman berkenaan merangkumi antara lainnya, pengurusan risiko, kewangan, organisasi, operasi dan pematuhan kawalan. Walau bagaimanapun, Lembaga Pengarah sedia maklum bahawa sistem tersebut tidak dapat menghapuskan risiko kegagalan dalam usahanya mencapai matlamat perniagaan, sebaliknya ia bertujuan untuk mengenal pasti, mengukur, mengurus dan mengawal risiko pada tahap yang munasabah. Oleh itu, sistem berkenaan hanya dapat memberi jaminan yang sewajarnya dan bukannya jaminan mutlak terhadap kenyataan salah tentang maklumat kewangan atau kerugian yang matan.

Lembaga Pengarah juga berpendapat bahawa sistem kawalan dalaman yang wujud pada sepanjang tahun dalam tinjauan sehingga tarikh laporan tahunan dan penyata kewangan diterbitkan, adalah mantap dan mencukupi bagi melindungi pelaburan para pemegang syer, kepentingan para pelanggan, pihak berkuasa dan kakitangan dan juga aset Syarikat ini.

Peranan pihak pengurusan ialah untuk melaksanakan polisi Lembaga Pengarah mengenai risiko dan kawalan dengan mengenal pasti dan menilai risiko yang dihadapi serta merangka, mengendali dan memantau sistem kawalan dalaman yang bersesuaian bagi mengurangkan dan mengawal risiko berkenaan.

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

Lembaga Pengarah telah menubuhkan Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah untuk menyelia pengurusan risiko yang berkaitan dengan operasi dan aktiviti Syarikat ini. Jawatankuasa ini dibantu oleh Jabatan Pengurusan Risiko yang bertanggung jawab untuk merangka, menyemak dan melaksanakan dasar, strategi, dan tatacara pengurusan risiko yang mantap. Jabatan Pengurusan Risiko bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah bagi memastikan laporan bebas dikemukakan mengenai pendedahan Syarikat ini terhadap pelbagai risiko. Syarikat ini juga telah menyediakan Rangka Kerja Pengurusan Risiko yang mentakrifkan punca-punca risiko perniagaan utama, menggariskan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah dan jawatankuasa-jawatankuasa utama dalam menguruskan bidang-bidang risiko yang khusus. Ia juga membentangkan pendekatan secara menyeluruh Syarikat ini dalam menguruskan risiko.

PENILAIAN BEBAS OLEH JABATAN AUDIT DALAMAN

Jabatan Audit Dalaman memberi keyakinan kepada para Pengarah melalui pengendalian kajian semula bebas ke atas kecukupan, keberkesanan dan keutuhan sistem kawalan dalaman Syarikat ini. Ia mengamalkan pendekatan berdasarkan risiko yang bersesuaian dengan pelan audit tahunan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah. Keputusan audit juga diserahkan kepada Lembaga Pengarah yang bermesyuarat sebanyak empat kali setahun. Pelan Audit tahunan dan laporan audit tahunan turut diserahkan kepada Lembaga Pengarah bagi memaklumkan sebarang kelemahan dalam sistem kawalan dalaman Syarikat ini. Apabila sesuatu kelemahan dikenal pasti, Syarikat ini akan melaksanakan tatacara baru bagi mengukuhkan kawalan. Pada sepanjang tahun kewangan ini, beberapa kelemahan telahpun dikenal pasti, namun tiada sesuatu pun telah mengakibatkan kerugian yang matan, di luar jangkaan atau ketakpastian yang memerlukan pendedahan di dalam Laporan Tahunan Syarikat ini.

LAIN-LAIN CIRI UTAMA DALAM KAWALAN DALAMAN

Selain daripada yang dinyatakan di atas, lain-lain ciri/proses utama yang telah diadakan bagi menyemak kecukupan dan keutuhan sistem kawalan dalaman turut merangkumi perkara-perkara berikut:

- Suatu struktur organisasi yang menggariskan dengan jelas tanggungjawab dan kebertanggungjawaban, sejajar dengan keperluan perniagaan dan operasi;
- Menetapkan dengan jelas garisan tanggungjawab dan penugasan autoriti untuk Jawatankuasa Lembaga Pengarah, pihak pengurusan, dan kakitangan Syarikat ini;
- Mendokumenkan dengan jelas dasar dalaman dan manual tatacara seperti manual Dasar Pengurusan Perbendaharaan dan manual Dasar Risiko Pasaran. Kesemua manual berkenaan akan dikaji semula dan dikemaskini dari masa ke masa;
- Mengemukakan rancangan perniagaan tahunan dan belanjawan yang terperinci kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan. Di samping itu, pada setiap bulan, Syarikat ini juga memantau keputusan sebenar dibandingkan dengan belanjawan untuk sebarang perbezaan yang ketara. Ini membolehkan Syarikat ini mengambil tindakan susulan dan langkah-langkah pemulihan segera bagi mengurangkan risiko;
- Melaporkan secara berkala kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Laporan-laporan tentang kedudukan kewangan Syarikat, kedudukan pinjaman dan hutang yang dibeli, bon dan nota yang diterbitkan, dan urusniaga swap kadar faedah diserahkan kepada Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya sekali pada setiap suku tahun. Isu-isu lain seperti perundangan, perakaunan atau hal-hal lain yang berhubungan juga akan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah sekiranya perlu;
- Pihak pengurusan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan, Jawatankuasa Pemandu IT, Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang terdiri daripada Jawatankuasa Pembelian dengan Rekursa dan Jawatankuasa Pembelian tanpa Rekursa sebagai sebahagian daripada fungsi pengawasan bagi memastikan pengurusan dan pengawalan yang berkesan dalam bidang masing-masing ;
- Menyediakan maklumat menyeluruh dan berkala yang merangkumi laporan kewangan dan operasi kepada pihak pengurusan sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan;
- Wujudnya garis panduan yang bersesuaian berhubung dengan pengambilan dan penamatan khidmat kakitangan, program latihan formal untuk kakitangan, penilaian prestasi tahunan, dan prosedur-prosedur lain yang berkaitan untuk menghasilkan kakitangan yang cekap dan terlatih bagi menjalankan tanggungjawab mereka.

Pengurusan risiko ialah bahagian penting daripada perniagaan dan operasi Syarikat ini. Ia merangkumi proses pengenalan, pengukuran, penganalisan, pengawalan, pengawasan dan pelaporan risiko secara menyeluruh.

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, Cagamas telah memperkukuhkan lagi sumber pengurusan risiko dan memulakan program yang menyeluruh untuk meningkatkan amalan serta kemampuan pengurusan risikonya. Syarikat ini telah memperkemaskan pengurusan risiko mengikut aktiviti perniagaannya dan mempertingkatkan kawalan utama bagi memastikan pengurusan risiko yang berkesan dan bebas daripada aktiviti-aktiviti pengambilan risiko.

Syarikat ini akan terus membangunkan sumber tenaga manusianya, mengkaji semula proses yang sedia ada dan memperkenalkan pendekatan baru yang selaras dengan amalan pengurusan risiko yang terbaik. Matlamat Syarikat ini ialah untuk mewujudkan kesedaran risiko yang mendalam di kalangan kakitangan barisan hadapan dan belakang untuk menguruskan risiko secara sistematik dan mengambil risiko pada tahap yang sejajar dengan selera terhadap risiko dan keperluan risiko-ganjaran yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.

STRUKTUR PENGURUSAN RISIKO



Lembaga Pengarah memikul tanggungjawab utama dalam menguruskan risiko yang berkaitan dengan operasi dan aktiviti Syarikat ini. Lembaga Pengarah menetapkan selera terhadap risiko dan paras toleransi yang selaras dengan keseluruhan matlamat perniagaan dan profil risiko yang dikehendaki oleh Syarikat ini. Lembaga Pengarah juga mengkaji semula dan meluluskan kesemua dasar pengurusan risiko dan pendedahan terhadap risiko yang ketara.

Lembaga Pengarah dibantu oleh Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah yang memastikan wujudnya pengawasan dan pembangunan yang berkesan bagi strategi, dasar, tatacara dan infrastruktur untuk menguruskan risiko Syarikat ini.

Pihak Pengurusan bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dengan memastikan

terdapatnya tatacara operasi, kawalan dalaman dan sistem yang mencukupi dan berkesan untuk mengenal pasti, mengukur, menganalisa, mengawal, mengawasi dan melaporkan risiko.

Ketua Pegawai Risiko melapor secara bebas kepada Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah dan membantu Jawatankuasa tersebut dalam membangunkan strategi dan dasar di samping memastikan bahawa infrastruktur, sumber dan sistem disediakan untuk pengurusan risiko yang berkesan.

Unit Pengurusan Risiko ini bebas daripada jabatan dan unit lain yang terlibat dalam kegiatan pengambilan risiko. Ia bertanggungjawab untuk melaporkan secara bebas tentang pendedahan risiko dan menyelaraskan pengurusan risiko Syarikat ini secara menyeluruh.

RISIKO YANG DIHADAPI OLEH SYARIKAT INI

Operasi Syarikat ini boleh dibahagikan kepada perniagaan pembelian dengan rekursa dan pembelian tanpa rekursa.

PEMBELIAN DENGAN REKURSA

Untuk pembelian dengan rekursa, Syarikat ini berhadapan dengan risiko-risiko berikut:

- Risiko kredit;
- Risiko pasaran;
- Risiko kecairan; dan
- Risiko operasi.

RISIKO KREDIT

Risiko kredit ialah kebarangkalian seseorang pelanggan atau rakan niaga gagal memenuhi kewajipan kewangannya apabila tiba masanya. Risiko kredit timbul dalam bentuk dalam kunci kira-kira seperti pinjaman dan pelaburan, dan dalam bentuk luar kunci kira-kira seperti jaminan dan aktiviti perlindungan nilai perbendaharaan.

Syarikat ini menguruskan risiko kreditnya dengan menapis para pelanggan dan rakan niaga, menetapkan kriteria kelayakan yang berhemat dan menjalankan usaha wajar ke atas pinjaman yang akan dibeli. Syarikat ini mempunyai sistem penarafan dalaman yang menentukan had kredit maksimum yang dibenarkan untuk setiap kategori penarafan. Had kredit ini dikaji semula secara berkala dan ditentukan berdasarkan kombinasi penarafan luar, penilaian kredit dalaman dan keperluan perniagaan. Kesemua pendedahan kredit dipantau secara kerap dan sebarang ketakpatuhan akan dilaporkan secara bebas kepada pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah untuk pemulihan segera.

RISIKO PASARAN

Risiko pasaran ialah potensi kerugian yang timbul akibat pergerakan bertentangan harga pasaran dan kadar. Pendedahan Syarikat ini terhadap risiko pasaran hanya terhad kepada risiko kadar faedah memandangkan Syarikat ini tidak terlibat dalam sebarang aktiviti ekuiti, tukaran wang asing atau perdagangan komoditi.

Syarikat ini mengawal risiko pasarannya dengan mengenakan had ambang. Had ini ditetapkan berdasarkan selera Syarikat ini terhadap risiko dan hubungan risiko-ganjaran, dan dikaji semula dan diawasi secara kerap. Bagi mengawal risiko kadar faedah, Syarikat ini mempunyai Sistem Pengurusan Aset dan Liabiliti yang menyediakan alatan seperti analisis jurang durasi, analisis kepekaan faedah dan simulasi pendapatan dalam pelbagai senario.

Syarikat ini juga menggunakan instrumen derivatif seperti swap kadar faedah untuk mengurus dan melindungi nilai pendedahan risiko pasarannya terhadap turun naik kadar faedah.

RISIKO KECAIRAN

Risiko kecairan timbul sekiranya Syarikat ini tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk memenuhi kewajipan kewangannya apabila ia matang.

Syarikat ini mengurangkan risiko kecairannya dengan memadamkan masa pembelian pinjaman dan hutang dengan penerbitan sekuriti hutang. Syarikat ini merancang aliran tunai dan mengawasi dengan teliti setiap urus niaga perniagaan bagi memastikan terdapatnya dana yang mencukupi untuk memenuhi keperluan perniagaan pada sepanjang masa. Di samping itu, Syarikat ini juga memperuntukkan rizab kecairan yang berpatutan bagi menghadapi kekurangan aliran tunai di luar jangkaan atau keadaan ekonomi yang bertentangan dalam pasaran kewangan.

RISIKO OPERASI

Risiko operasi ialah risiko kerugian yang timbul akibat kekurangan atau kegagalan proses dalaman, manusia dan sistem, atau daripada peristiwa-peristiwa luaran.

Syarikat ini telah menubuh dan mengekalkan kawalan dalaman, sistem dan tatacara yang menyeluruh yang tertakluk kepada kekerapan audit dan kajian semula oleh juruaudit dalaman dan juga luar. Syarikat ini telah menyediakan Pelan Kesenambungan Perniagaan yang mantap untuk meminimumkan kesan akibat sebarang bencana dan mengurangkan masa pemulihan operasi. Syarikat ini juga kerap menjalankan ujian ke atas sistem dan prosesnya yang kritikal.

Syarikat ini telah meningkatkan sistem infrastrukturnya untuk mempertingkatkan kecekapan, keupayaan pemprosesan dan pelaporan, dan untuk meminimumkan kebarangkalian berlakunya kesilapan yang disebabkan oleh proses manual. Sistem tersebut mempunyai binaan kawalan dan pengesahan dalaman yang membolehkan Syarikat ini mengekal dan mengawasi had, dan menerima amaran sekiranya berlaku pelanggaran had.

PEMBELIAN TANPA REKURSA

Setakat ini, Syarikat telah menjalankan pensekuritian pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan berjumlah RM5.7 bilion melalui anak syarikat milik sepenuhnya, Cagamas MBS Berhad (CMBS). Dari segi perniagaan pensekuritian atau pembelian tanpa rekursa, hak pemegang bon dihadkan kepada sekumpulan aset tertentu dan tidak terdapat sebarang rekursa terhadap kumpulan aset lain, atau terhadap CMBS atau Syarikat ini.

Sebagai Pentadbir Urus Niaga dan Pentadbir, Cagamas mentadbir dan merekodkan segala penerimaan dan pembayaran dan menjalankan penyesuaian seperti yang dikehendaki. Sementara menunggu pembayaran kupon bon dan penebusan pokok, Syarikat ini akan melabur semula dana yang sedia ada seperti yang ditentukan oleh Surat Ikatan Amanah. Syarikat ini akan menyerahkan penyata aliran tunai dan penyata tunai dan pelaburan untuk setiap kumpulan kepada pemegang amanah secara berkala.



Our people are our
greatest strategic
asset and competitive
differentiator.

As an industry leader
we help create
competitive market
advantages.



The road ahead for Cagamas will continue to be challenging but equally exciting. As it begins its journey to transform itself to be a leading securitisation house, Cagamas needs to continuously remain at the forefront through innovative market-driven solutions.

On behalf of the Board of Directors, I am pleased to present the 20th Annual Report and the Financial Statements of Cagamas Berhad, the National Mortgage Corporation, for the financial year ended 31 December 2006.

The year 2006 is an important milestone for Cagamas. The Company undertook a comprehensive review of its business model, particularly of its role in the future in context of a rapidly changing financial landscape and the need to reposition itself in order to further strengthen the foundations for sustainable future business growth. This review resulted in the development of a three-year Strategic Framework themed "Building a Foundation for Growth", commencing with the Business Plan for 2007. With this framework in place, a programme has been set in motion for Cagamas to achieve its aspiration of becoming a leading securitisation house in the country as well as in the Asean region.

HIGHLIGHTS

Financially, the year 2006 continued to be challenging for Cagamas. Excess liquidity in the banking system and a relatively stable interest rate environment dampened the demand for Cagamas' traditional segment of purchase with recourse. Despite a more competitive environment, the Company managed to purchase "on with recourse" basis a total of RM5,815 million of loans and debts as compared to RM3,591 million last year. During the year, proactive steps were taken by the Company to broaden its customer base. This led to a successful purchase of hire purchase debts directly from a non-banking institution.

As the run-down of loans and debts continued to remain large, the total outstanding loans and debts held by Cagamas as at 31 December 2006, shrunk to RM21,144 million, a decrease of 11.4% against the outstanding of RM23,860 million as at the end of 2005. Correspondingly, the total outstanding Cagamas debt securities in 2006 amounted to RM21,385 million as against RM24,357 million in the previous year.

The bonds and notes issued by Cagamas in 2006 continued to be assigned the highest ratings of AAA and P1 by Rating Agency Malaysia Berhad and AAA and MARC-1 by Malaysian Rating Corporation Berhad. These ratings reflect the Management's relentless strict adherence to prudent guidelines governing the purchase operations and investments and the resulting high quality assets accumulated by Cagamas.

FINANCIAL PERFORMANCE

The financial position of the Company in 2006 included that of the subsidiary and reflected that of the Group as a whole. At the Company level, the profit before tax for the financial year ended 31 December 2006 was RM129 million representing a reduction from the previous year's profit before tax of RM150 million. The decline was mainly attributed to narrowing margins coupled with maturity of higher yielding loans and debts, despite increase in purchase volume over 2005.

As a result, the after-tax return per share at Company level decreased from 71 sen in 2005 to 62 sen in 2006, providing a post-tax return of 6.7% on average shareholders' funds compared with 8.2% in the previous year. The shareholders' funds nevertheless increased by 5.0% from RM1,365 million in 2005 to RM1,433 million in 2006, while the net tangible assets per share increased from RM9.01 at the end of 2005 to RM9.45 at the end of 2006.

At the Group level, the profit before tax for the financial year ended 31 December 2006 was lower at RM364 million as compared with RM457 million in 2005. This includes the profit of Cagamas MBS Berhad, the special purpose vehicle incorporated to undertake the securitisation of the Government's staff housing loans. Likewise, the Group's total assets of RM29,327 million as at the end of 2006 were lower as compared to RM32,038 million in 2005.

DIVIDEND

For the half-year ended 30 June 2006, the Board of Directors declared an interim dividend payment of 5 sen per share less income tax. The Board recommended a final payment of 10 sen per share less income tax taking into consideration the need for the Company to continue with its policy to preserve its capital in order to support the generation of a higher volume of business through its securitisation programme and the prudence to back the potential building of new and riskier asset classes in its books in the future. With this recommended final dividend, the total dividend for the financial year ended 31 December 2006 amounted to 15 sen per share less income tax.

INITIATIVES IN 2006

The year 2006 marked another milestone for the Islamic banking sector in Malaysia as this sector remained robust and on target to meet the Islamic Financial Sector Masterplan by the year 2010. As at end-December 2006, total assets of the Islamic banking sector increased by 20.5% to RM133 billion, which accounted for 12.2% of the total assets in the banking system. The market share of Islamic deposits and financing also increased to 18.2% and 12.3% of total banking sector deposits and financing respectively.

In line with the Government's aspiration to promote Malaysia as an International Islamic Financial Centre, the Company is taking initiatives to be one of the leading players in the Malaysian Islamic financial system and also in this region. Cagamas provided the infrastructure for the successful issuance of the inaugural BNM Sukuk Ijarah with an issue size of RM400 million based on the Islamic contract of Al-Ijarah in February 2006. This was undertaken by the Company's wholly-owned subsidiary, BNM Sukuk Berhad which was set up in January 2006. The Sukuk Ijarah will add to the diversity of monetary instruments used by BNM in managing liquidity in the Islamic Money Market. Due to its regular issuance, the Sukuk Ijarah is expected to serve as a benchmark for other short to medium-term Islamic bonds.

2006 marks the beginning of a new phase for Cagamas as it begins its journey towards being a leading securitisation house. Plans for this journey was formalised in May 2006, when the Board approved a Strategy Framework with the theme "Building a Foundation for Growth". The Board also finalised a three-year strategy for Cagamas, along with its Business Plan for 2007 that included a financial strategy to reverse its declining profit trend.

A key component of the framework is a renewed focus towards providing solutions and fulfilling the need of the market. Development of new products in 2006 such as purchase without recourse, purchase of utilities receivables and non-amortising loan purchases is aimed at fulfilling such requirements. On the securitisation front, the development of new innovative securitisation solutions has also begun with the proposed launch of Cagamas' inaugural securitisation of SME loans through its subsidiary, Cagamas SME Berhad, scheduled in the first half of 2007. The SME securitisation will serve as a boost towards the Government's call to stimulate the SME industry and reinforces Cagamas' commitment towards our national obligation.

In an ever-challenging environment of narrowing margins, Cagamas has to introduce more innovative funding structures. In the pipeline are plans to introduce various funding alternatives such as commercial papers/medium-term notes programmes that will lower Cagamas' overall cost of funds.

Cagamas recognised the need to continuously upgrade its human capital and infrastructure. In 2006, several human capital initiatives were undertaken to create a performance-based culture within Cagamas. This includes setting clear responsibility areas, implementing a performance oriented measurement system and a shift to a more performance-driven compensation and benefits package. A new organisation structure has also been implemented together with reallocation of resources to transform the Company to be more focused towards achieving its business goals. The Company has also identified skill-sets and manpower requirements to support the future needs of Cagamas. Selective recruitment was undertaken in 2006 to bring in new skills and perspective into Cagamas. Comprehensive staff training and development programmes have also been drawn up to continuously improve staff skills. It is hoped that these initiatives will continue to attract and retain the best and brightest talents and make Cagamas to be an employer of choice.

Technology has always and remains to be a crucial part of Cagamas' operations. Continuous upgrading of technology and addition of new technology is key to ensuring that Cagamas remains competitive and relevant in today's challenging business environment. As such, Cagamas embarked on a comprehensive computerisation plan to support the future business requirements. These include the development of the Reporting System for Government housing loans and enhancement of its

Loans Processing System. Over the next three years, the business and support operations will be further streamlined to achieve greater operational efficiency.

The framework also recognises the increasing market demand for corporate governance and the need to raise the standards of corporate governance. Initiatives in 2006 include the approval of an Enterprise Risk Management Framework by the Board and the setting up a compliance framework. This is a reflection of Cagamas' continuing commitment to promote increased transparency and integrity in the conduct of all aspects of its business operations. Recognition of this effort by Cagamas was reflected in its winning the National Annual Corporate Reports Awards (NACRA) for overall excellence in annual reporting under the category "Best Annual Report of Non-listed Organisations" for 2005.

PROSPECTS

The road ahead for Cagamas will continue to be challenging but equally exciting. As it begins its journey to transform itself to be a leading securitisation house, Cagamas needs to continuously remain at the forefront through innovative market-driven solutions. Cagamas will also continue to play its role in contributing to the development of a deeper capital market with the introduction of sophisticated and innovative financial instruments.

In the area of Islamic finance, more innovations can be expected in Malaysia and in the Asian region. Cagamas will continue to undertake product development in respect of Islamic assets and bond swaps in order to meet the growing requirements of domestic and international markets. To meet the changing needs of customers, Cagamas needs to develop new, sophisticated, innovative and marketable Islamic products to meet issuers/originators' distinct financing requirements and also to match investors' demands in accordance with their risk and return preferences.

As the Company is now coming into its 20th year of operations, a core component of its strategies would be to continue to build on its Cagamas brand. The Management recognises the fact that the Company's transformation to becoming a leading securitisation house is dependant on its strong reputation and the promotion of skills, resources and capabilities. Cagamas will proactively manage its brand reputation among its stakeholders, which include the public, employees, peer groups, regulators, and above all, the investment fraternity.


2007 is indeed an auspicious year with the Nation celebrating its 50th year of independence and with Cagamas celebrating its 20th year of operations. With the Management helmed by our new CEO, Mr. Steven Choy, who has brought new perspective and introduced a strategic framework, I am confident the prospect for Cagamas for 2007 and beyond remains bright, barring untoward external factors.

ACKNOWLEDGEMENT

On behalf of the Board of Directors, I would like to take this opportunity to record my appreciation to our valued clients and shareholders for their continued support and commitment towards the Company's goals. The Board also wishes to extend its sincere appreciation to the regulatory authorities, in particular, the Ministry of Finance, the Securities Commission, Bank Negara Malaysia and the Companies Commission of Malaysia for their continuous and invaluable support and contributions.

Cagamas has also undertaken a Board reconstitution exercise in the course of the year that will reflect greater representation of non-financial institution expertise and participation in the Board. On behalf of the Board, I am pleased to welcome Mr. Cheah Tek Kuang and Mr. George Ratilal, who joined the Board in April 2006. I would also like to record the Board's appreciation of the contributions made by Tan Sri Dato' Azman Hashim, Tan Sri Dato' Tan Teong Hean, Mr. Mohamed Azmi Mahmood, Datuk Zarir J. Cama, and Mr. Abdul Karim Md Lassim, who resigned from the Board in April 2006. The Company owes a debt of gratitude in particular to both Tan Sri Dato' Azman and Tan Sri Dato' Tan, who are both pioneer directors of the Company.

Last, but not least, I would like to thank the staff for their hard work in making 2006 yet another successful year for Cagamas and we look forward to harvesting the fruits of our labour in the coming years.



Dato' Ooi Sang Kuang
Chairman



As solutions providers,
we will continue to
ensure customer
satisfaction through
the timely delivery of
innovative financial
products and services.

The Board of Directors (Board) of Cagamas is committed to ensuring that the Company practises the highest standards of corporate governance so that its affairs are conducted with integrity and professionalism with the objectives of safeguarding and enhancing shareholders' value and the financial performance of the Company and of contributing to the healthy development of the bond market.

The Board is pleased to report that the Company has applied the principles and best practices of the Malaysian Code on Corporate Governance (Code) as set out below:

1. BOARD OF DIRECTORS

1.1 Composition

The Board currently comprises 11 Non-Executive Directors, consisting of Senior Officers from Bank Negara Malaysia (BNM), Chief Executives and Senior Officers of selected financial institutions and experienced professionals nominated by The Association of Banks in Malaysia, the Malaysian Investment Banking Association [collectively referred to as the Associations] and the Board.

Based on the Code's broad description, Cagamas' Directors are considered independent as they are independent of management and do not participate in the day-to-day running of the Company's business. The Directors do not hold shares in their personal capacity and are not influenced by any significant shareholder of the Company. There is no one group of Directors or any individual Director to dominate the Board's discussions or its decision-making process. The Directors provide objective and independent views for the Board's deliberations.

The Board is effective in leading and controlling the Company as the Directors have varied and in-depth experience in financial products and markets. The Directors bring to the Board diverse skills and knowledge in banking, capital market, accounting, economics, information technology and financial management.

The Board has drawn up the terms of reference for the Board and the Board Committees. In addition, the Board has also approved the delegation of authority and the assignment of limits on the scope and responsibilities of the Board Committees and the President/Chief Executive Officer. The Chairman leads the discussions on overall strategies, policies and the conduct of the Company's business during Board meetings while the President/Chief Executive Officer is responsible for the implementation of these strategies and policies as well as the day-to-day running of the Company's business.

1.2 Duties and Responsibilities

The Board oversees the conduct and performance of the Company's business by reviewing and approving the Company's annual strategic business plan as well as the annual budget. Updates on the key operations of the Company are provided to the Board for review at every meeting.

The Board has the overall responsibility to ensure that there is proper oversight of the management of risks in the Company. In this connection, the Board Risk Committee oversees the development of risk management strategies, policies, procedures and infrastructure to assess, measure, manage, monitor and report risk exposures.

The Board, based on the recommendations of the Board Staff Compensation and Organisation Committee, also approves the appointment and replacement of Senior Management staff and reviews their performance and compensation.

In carrying out its duties and responsibilities, the Board is committed to transparency and seeks to avoid any conflict of interest situations arising from transactions that may raise questions or doubts as to the integrity of its decisions.

2. BOARD MEETINGS

During the financial year ended 31 December 2006, the Board met seven times to deliberate on a wide range of matters, including the Company's business performance, risk profile, business plans, other strategic issues that affect the Company's business and issues relating to the Company's subsidiaries, Cagamas MBS Berhad, BNM Sukuk Berhad and Cagamas SME Berhad. Details of Directors' attendance at Board meetings held in 2006 are set out on page 6 of this Annual Report.

Board papers providing updates on operational, financial and corporate developments are sent to the Directors in advance of each meeting to provide them adequate time to study the matters to be discussed at the meeting.

In furtherance of their duties, the various Board Committees are entitled to seek independent professional advice at the Company's expense, as and when deemed necessary. All Directors have direct access to the advice of the Senior Management and the services of the Company Secretary, who is responsible for ensuring that Board procedures are followed and that all applicable rules and regulations are complied with.

3. APPOINTMENT AND RE-ELECTION OF DIRECTORS

A majority of the Directors are nominated by BNM and the Associations to be members of the Board. These nominations are then presented to the Board for its approval. In addition, the Board may nominate any person to be a member of the Board from time to time.

In accordance with the Company's Articles of Association, at least one-third of the Directors retire from office at each Annual General Meeting of the Company and shall offer themselves for re-election. The Articles also state that Directors appointed by the Board during a particular year are subject to election by the shareholders at the next Annual General Meeting held following their appointments.

4. DIRECTORS' TRAINING

Some of the Directors are Directors of public-listed companies and have attended the mandatory accreditation – training programme as required under the Bursa Malaysia Listing Requirements. Notwithstanding this, the Directors are regularly updated on the relevant new laws and regulations at Board meetings.

5. DIRECTORS' REMUNERATION

The Board, as a whole, determines the remuneration of the Directors based on their roles on the Board. The Chairman abstains during discussions on the Chairman's fee. The Directors' remuneration is approved by the shareholders at the Annual General Meeting.

The aggregate remuneration payable to all the Directors is RM210,618 comprising Directors' fees of RM144,618 and meeting allowances of RM66,000.

6. BOARD COMMITTEES

In discharging its duties, the Board is assisted by five Committees, which operate within specified terms of reference. The Committees comprise the Board Executive Committee, Board Finance Committee, Board Audit Committee, Board Staff Compensation and Organisation Committee and Board Risk Committee. The Board Executive Committee has the authority to decide and act on behalf of the Board on all matters in between Board meetings. The other Committees are assigned to examine particular issues and are empowered by the Board to either approve Management's recommendations or report to the Board with their recommendations for the Board's final decision.

7. INVESTOR RELATIONS AND SHAREHOLDERS' COMMUNICATION

The Board recognises the importance of effective and timely communication with all its shareholders and investors. The Company's strategies, plans, financial information and new products are communicated to the shareholders and investors through letters, the Annual Report, press statements and announcements and other financial information providers e.g. Bloomberg and Reuters. The principal forum for dialogue with shareholders continues to be the Annual General Meeting. At this Meeting, the Chairman highlights the performance of the Company and provides the shareholders every opportunity to raise questions and seek clarification on the business and performance of the Company.

The Company also publishes audited financial results and disseminates press releases on its debt securities issuance activities in major newspapers and wired services. In addition, the Company also maintains a website at www.cagamas.com.my which provides comprehensive up-to-date information on the Company's products, Cagamas rates and operations.

